PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU KEDUA 2011

TINJAUAN KESELURUHAN

Pertumbuhan sederhana pada suku kedua

Kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia menjadi sederhana pada suku kedua (4.0%; S1 11: 4.9%) berikutan persekitaran luar negeri yang lebih lembap. Kelembapan ekonomi di negara-negara maju secara keseluruhan dan gangguan kepada rantaian bekalan perkilangan global yang berpunca daripada bencana alam di Jepun telah menyebabkan sektor perkilangan mencatat pertumbuhan yang lebih perlahan. Namun demikian, pertumbuhan keseluruhan terus disokong oleh permintaan dalam negeri sektor swasta yang terus berkembang. Pertumbuhan juga disokong oleh kekukuhan eksport komoditi dan produk berasaskan sumber ekoran permintaan serantau yang menggalakkan dan harga komoditi yang tinggi.

Pertumbuhan sederhana pada suku kedua (pada harga malar tahun 2000)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Permintaan dalam negeri berkembang sebanyak 5.2% (S1 11: 6.9%), disokong terutamanya oleh peningkatan yang berterusan dalam perbelanjaan sektor swasta. Penggunaan swasta juga meningkat sebanyak 6.4% (S1 11: 6.7%). Perbelanjaan yang mampan bagi emolumen serta bekalan dan perkhidmatan menyokong pertumbuhan penggunaan awam (4.0%; S1 11: 8.9%). Pembentukan modal tetap kasar menjadi sederhana kepada 3.2% (S1 11: 6.5%) disebabkan terutamanya oleh pelaburan awam yang lebih rendah. Perbelanjaan modal swasta pada suku tersebut bagaimanapun kekal mampan berikutan pengembangan dalam kapasiti pengeluaran dan pelaburan dalam bidang pertumbuhan baharu sektor perkilangan serta aktiviti cari gali dan pembangunan dalam sektor minyak dan gas. Perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan pada suku kedua adalah lebih rendah, dengan tumpuan diberikan kepada sektor pendidikan, pengangkutan serta perdagangan dan perindustrian.

Dari segi penawaran, kebanyakan sektor ekonomi mencatat pertumbuhan yang lebih sederhana pada suku kedua. Pertumbuhan yang lebih perlahan dalam sektor perkilangan (2.1%; S1 11: 5.5%) adalah disebabkan terutamanya oleh persekitaran global yang lebih lembap dan gangguan pengeluaran berikutan bencana alam yang melanda Jepun pada bulan Mac. Namun demikian, pertumbuhan sektor perkhidmatan kekal mampan pada 6.3% (S1 11: 6.4%) disokong oleh perbelanjaan sektor swasta dalam negeri yang berterusan. Sektor pertanian pulih kembali untuk mencatat pertumbuhan sebanyak 6.9% (S1 11: -0.2%), terutamanya hasil daripada pengeluaran minyak sawit mentah dan getah asli yang lebih tinggi berikutan keadaan cuaca yang bertambah baik. Sementara itu, pertumbuhan sektor pembinaan adalah lebih sederhana pada 0.6% (S1 11: 3.8%), disebabkan oleh pelaksanaan projek infrastruktur yang lebih perlahan. Sektor perlombongan pula terus menguncup (-9.2%; S1 11: -4.2%), mencerminkan pengeluaran minyak mentah yang lebih rendah disebabkan oleh penutupan loji pengeluaran untuk penyelenggaraan.

Kadar inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh perubahan dalam Indeks Harga Pengguna (Consumer Price Index, CPI) meningkat kepada 3.3% mengikut asas tahunan pada suku kedua (S1 11: 2.8%) didorong oleh faktor penawaran. Kenaikan harga pengguna sebahagian

besarnya disebabkan oleh peningkatan harga dalam kategori makanan dan minuman tanpa alkohol sebanyak 4.7% (S1 11: 4.3%). Harga dalam kategori pengangkutan juga meningkat sebanyak 5.7% (S1 11: 4.4%), disebabkan oleh pelarasan menaik harga petrol RON97 pada bulan April dan Mei berikutan harga minyak mentah dunia yang lebih tinggi.

Sektor luaran mencatat lebihan perdagangan sebanyak RM27.1 bilion pada suku kedua (S1 11: RM31.8 bilion). Eksport kasar berkembang sebanyak 8.3%, manakala import mencatat pertumbuhan lebih sederhana sebanyak 7.1% (S1 11: masing-masing 4.8% dan 12.4%). Pertumbuhan eksport disokong oleh pengembangan berterusan dalam eksport komoditi dan produk bukan E & E yang mendapat manfaat terutamanya daripada harga komoditi yang teguh dan permintaan serantau yang mantap. Sementara itu, eksport E & E menguncup disebabkan oleh eksport komputer dan alat ganti yang terus lemah. Pertumbuhan import kasar adalah lebih rendah kerana penurunan dalam import barangan pengantaraan yang terjejas oleh gangguan kepada rantaian bekalan global. Import barangan modal mencatat pertumbuhan yang lebih sederhana disebabkan terutamanya oleh import jentera yang lebih rendah. Import barangan penggunaan pula terus berkembang.

Pada asas tunai, aliran masuk kasar dan bersih pelaburan langsung asing* (Foreign Direct Investment, FDI) adalah lebih tinggi, masing-masing pada RM13.4 bilion dan RM6.2 bilion (S1 11: masing-masing +RM7.6 bilion dan +RM4 bilion). Aliran masuk adalah menyeluruh dan disalurkan terutamanya ke dalam subsektor kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan, sektor perkilangan serta minyak dan gas. Pelaburan langsung luar negeri* (Direct Investment Abroad, DIA) oleh syarikat Malaysia mencatat aliran keluar bersih yang lebih besar sebanyak RM9.4 bilion (S1 11: -RM3.7 bilion). Pelaburan tersebut sebahagian besarnya adalah oleh syarikat dalam subsektor kewangan dan insurans, serta perkhidmatan perniagaan dan komunikasi. Aliran masuk bersih pelaburan portfolio juga meningkat kepada RM37.6 bilion (S1 11: +RM8.1 bilion), mencerminkan kepentingan asing yang kukuh dalam pasaran modal domestik, khususnya pasaran sekuriti hutang.

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM406.3 bilion (bersamaan dengan USD134.3 bilion) pada 30 Jun 2011. Paras rizab ini telah mengambil kira pelarasan suku tahunan penilaian semula pertukaran asing. Pada 29 Julai 2011, kedudukan rizab berjumlah RM409.6 bilion (bersamaan dengan USD135.4 bilion) yang memadai untuk membiayai 9.6 bulan import tertangguh dan ialah 4.4 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Dasar monetari terus menyokong aktiviti ekonomi

Pada 5 Mei 2011, Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) menaikkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 3.00%. Tahap dasar monetari yang akomodatif telah diselaraskan sebagai langkah awalan untuk mengelakkan daripada wujudnya ketidakseimbangan kewangan. Pada mesyuarat bulan Julai, MPC memutuskan untuk menangguhkan buat sementara waktu langkah mengembalikan kadar faedah ke paras yang lebih wajar (normalization) dan berikutan itu telah mengekalkan OPR kerana wujud ketidakpastian yang lebih ketara ekoran perkembangan pada peringkat global yang telah menyebabkan timbulnya risiko pertumbuhan yang lebih perlahan.

Berikutan kenaikan OPR pada bulan Mei, kadar antara bank semalaman purata adalah lebih tinggi dan kadar antara bank bagi tempoh matang lain turut meningkat. Dari segi kadar pinjaman bank perdagangan, kadar pinjaman asas (Base Lending Rate, BLR) purata dan kadar pinjaman purata (Average Lending Rate, ALR) telah dinaikkan. Sejajar dengan kenaikan tersebut, kadar deposit tetap (Fixed Deposit, FD) purata juga lebih tinggi.

* Tidak termasuk perolehan tertahan.

Keadaan pembiayaan terus menyokong aktiviti ekonomi negara pada suku kedua, dengan pembiayaan terus tersedia untuk semua segmen ekonomi. Jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal meningkat kepada RM225.6 bilion (S1 11: RM202 bilion). Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul meningkat pada kadar tahunan 12.9% pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mac 11: 12.1%). Penunjuk pinjaman utama juga kekal kukuh pada suku kedua.

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal berjumlah RM20.8 bilion (S1 11: RM29.7 bilion), dengan 83% daripadanya atau RM17.3 bilion diperoleh sektor swasta terutamanya melalui sekuriti hutang swasta. Sementara itu, dana bersih yang diperoleh sektor awam pada suku tersebut berjumlah RM3.5 bilion.

Mudah tunai sektor swasta, seperti yang diukur oleh wang secara luas (M3), berkembang pada kadar tahunan yang lebih tinggi, iaitu 12.4% pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mac: 8.0%). Ini mencerminkan peningkatan dalam pemberian kredit kepada sektor swasta oleh sistem perbankan dan juga aliran masuk modal bukan pemastautin yang lebih tinggi.

Trend ringgit yang menambah nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) pada suku pertama 2011 berlanjutan hingga awal suku kedua. Ini berikutan prospek pertumbuhan yang menggalakkan di Asia secara relatif dengan ekonomi maju, terus menarik pelabur ke arah pasaran kewangan serantau. Bagi suku kedua secara keseluruhan, ringgit menambah nilai sedikit, iaitu sebanyak 0.2% berbanding dengan dolar AS. Berbanding dengan mata wang utama lain, ringgit menambah nilai berbanding dengan paun sterling (0.1%), namun menyusut nilai berbanding dengan euro (-2.4%) dan yen Jepun (-2.5%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai berbanding dengan baht Thailand (1.7%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan renminbi China (-1.2%), rupiah Indonesia (-1.2%), dolar Singapura (-2.4%) dan won Korea (-2.8 %). Ringgit kekal tidak berubah berbanding dengan peso Filipina. Pada tempoh 1 Julai hingga 15 Ogos 2011, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS (1.2%), euro (2.7%) dan paun sterling (0.1%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan yen Jepun (-3.4%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit menambah nilai berbanding dengan won Korea (2.2%), rupiah Indonesia (0.6%) dan renminbi China (0.1%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan dolar Singapura (-0.6%), peso Filipina (-0.9%) dan baht Thailand (-1.5%).

Kestabilan kewangan kekal utuh

Kestabilan sistem kewangan domestik berterusan, disokong oleh sistem dan institusi kewangan yang kukuh serta pasaran kewangan yang teratur. Faktor-faktor ini terus menyokong pengantaraan kewangan yang cekap dan keyakinan awam yang berterusan terhadap sistem kewangan. Tahap pendedahan risiko sektor kewangan terus terurus pada suku kedua. Daya tahan sektor ini adalah jelas dari segi tahap permodalan yang teguh, keberuntungan yang kukuh dan kualiti aset yang stabil. Nisbah modal teras dan nisbah modal wajaran risiko masing-masing kekal kukuh pada 12.3% dan 13.9%. Bagi sektor insurans dan takaful, kedudukan modal terus kukuh dengan nisbah kecukupan modal pada 224.1% dan lebihan modal sebanyak RM19.5 bilion. Mudah tunai kekal lebih daripada mencukupi untuk memenuhi permintaan terhadap pengeluaran simpanan dan obligasi mudah tunai yang lain.

Pertumbuhan ekonomi negara dijangka bertambah baik pada separuh kedua 2011

Dengan pertumbuhan global yang lebih sederhana pada suku kedua disebabkan terutamanya oleh faktor-faktor sementara yang berpunca daripada gangguan kepada rantaian bekalan dunia serta harga komoditi yang tinggi, keadaan fiskal dan hutang di beberapa ekonomi maju juga telah menyebabkan ketidakpastian yang lebih ketara dan turun naik pasaran kewangan yang lebih nyata lantas menjejaskan keyakinan secara keseluruhan. Melangkah ke hadapan, pertumbuhan ekonomi global diunjurkan terus positif, disokong oleh aktiviti ekonomi dalam kebanyakan negara sedang pesat membangun

dan keadaan rantaian bekalan global yang bertambah baik. Pemulihan keseluruhan ekonomi global bagaimanapun masih lagi dikekang oleh kelemahan struktur dalam ekonomi maju. Selain itu, ketidakpastian yang berpanjangan dalam pasaran kewangan boleh memberi kesan kepada aktiviti ekonomi benar.

Di Malaysia, walaupun gangguan kepada rantaian bekalan global menjejaskan pengeluaran dan perdagangan pada suku kedua, kekuatan asas ekonomi negara kekal kukuh hasil daripada permintaan dalam negeri yang terus menyokong pertumbuhan. Melangkah ke hadapan, risiko terhadap permintaan luar negeri yang lebih lembap telah menjadi makin ketara berikutan ketidakpastian yang semakin nyata dalam persekitaran luar negeri. Namun, permintaan dalam negeri dijangka terus berdaya tahan dan menyokong pertumbuhan dalam keadaan penggunaan swasta yang mampan, pelaburan swasta yang kukuh dan kadar pelaksanaan projek sektor awam yang lebih cepat pada separuh kedua tahun ini.

PERKEMBANGAN PADA SUKU KEDUA 2011

KEADAAN EKONOMI ANTARABANGSA

Pertumbuhan global menjadi sederhana dalam keadaan ketidakpastian pasaran kewangan antarabangsa yang semakin ketara

Aktiviti ekonomi global mengalami pengembangan yang lebih perlahan pada suku kedua 2011, dalam keadaan ketidakpastian yang semakin ketara terhadap prospek pertumbuhan global. Pertumbuhan yang sederhana ini disebabkan sebahagiannya oleh kelembapan dalam sektor perkilangan dan juga aktiviti perdagangan global berikutan bencana alam di Jepun yang telah menyebabkan gangguan kepada rantaian bekalan global. Di samping itu, harga komoditi yang tinggi juga memberikan kesan terhadap penggunaan swasta dalam kebanyakan ekonomi. Dalam ekonomi maju, momentum pertumbuhan ekonomi terus perlahan disebabkan ekonomi-ekonomi tersebut menghadapi tekanan daripada keadaan pasaran pekerja yang hanya meningkat sedikit, harga bahan api yang semakin tinggi dan kebimbangan yang kian meningkat terhadap kemampanan fiskal. Kesemua ini telah memberikan kesan secara langsung ke atas perdagangan luar negeri dan menjejaskan pertumbuhan negara sedang pesat membangun. Keadaan pasaran kewangan antarabangsa makin merosot sepanjang suku kedua disebabkan terutamanya isu-isu fiskal di Amerika Syarikat dan kawasan euro. Kebimbangan bahawa krisis hutang kerajaan di Eropah akan menjadi bertambah buruk semakin jelas ekoran kemungkinan wujudnya senario penyusunan semula hutang di Greece. Perkembangan yang perlahan dalam persetujuan rasmi untuk menangani isu tersebut seterusnya telah menambah tekanan ke atas keyakinan pasaran. Kebimbangan terhadap kemampanan fiskal Portugal telah menarik perhatian umum yang akhirnya membawa kepada pembentukan pakej bantuan berjumlah €78 bilion pada bulan Mei. Tahap krisis ini telah mengakibatkan penarafan di beberapa ekonomi telah diturunkan. Di Amerika Syarikat (AS), kerajaan berdepan dengan kemungkinan pembubaran pentadbiran awam pada bulan April dan selanjutnya mungkin menyebabkan kegagalan membayar hutang jika paras maksimum hutang tidak dinaikkan menjelang 2 Ogos. Meskipun wujud ketidakpastian ini, pihak berkuasa kewangan, khususnya dalam ekonomi sedang pesat membangun, terus menaikkan kadar faedah dasar pada suku kedua untuk membendung tekanan inflasi, yang didorong terutamanya oleh harga makanan dan tenaga yang semakin meningkat.

Pada bulan Julai dan Ogos, keadaan pasaran kewangan menjadi semakin tidak menentu berikutan kebimbangan yang kian meningkat terhadap isu-isu hutang kerajaan ekonomi maju dan kemungkinan pemulihan ekonomi global yang lebih lemah. Pada 21 Julai, para pemimpin Eropah bersetuju dengan beberapa langkah untuk membendung krisis di Greece, termasuk pakej bantuan baharu yang telah dirancang berjumlah €109 bilion serta penglibatan sektor swasta secara sukarela. Walaupun terdapat langkah tersebut, krisis telah menjadi bertambah buruk berikutan ketidakpastian terhadap kecukupan langkah-langkah baharu untuk menangani isu kemampuan membayar hutang (kesolvenan) oleh Greece dan kekurangan maklumat yang konkrit dalam beberapa langkah yang dirangka. Krisis ini telah merebak ke Itali dan Sepanyol seperti yang dicerminkan dalam peningkatan hasil daripada bon kerajaan di negara-negara tersebut. Di Amerika Syarikat, kerajaan mengelak daripada kemungkiran hutang berikutan langkah Kongres meluluskan kenaikan siling hutang, akan tetapi pelan pengurangan defisit masih tidak mencukupi untuk mencapai kemampanan fiskal jangka sederhana. Pada 5 Ogos, S & P menurunkan penarafan hutang kerajaan AS kepada AA+ dan mengekalkan unjuran pertumbuhan negatif buat negara itu. Keputusan tersebut terus memberi tekanan ke atas keyakinan pasaran yang sedia goyah di tengah-tengah kebimbangan baharu mengenai potensi risiko kemelesetan berganda, berikutan pengumuman penunjuk ekonomi yang lemah di AS. Pada 7 Ogos, para penggubal dasar dari negara-negara G7

berikrar untuk sama-sama memperkenalkan langkah-langkah yang perlu bagi mengekalkan keyakinan dan memelihara kestabilan pasaran kewangan. Selain itu, ECB mengumumkan akan melaksanakan Program Pasaran Sekuriti secara aktif untuk mengelakkan krisis ini daripada menular.

Ekonomi **AS** berkembang pada kadar sederhana 1.3% pada suku kedua (S1 11: 0.4%) disebabkan oleh pengembangan yang sederhana dalam permintaan domestik. Pada asas tahunan, ekonomi AS berkembang pada kadar yang lebih perlahan iaitu 1.6% (S1 11: 2.2%). Sektor penggunaan mencatat kelembapan menyeluruh yang sebahagian besarnya disebabkan oleh penguncupan dalam penggunaan kenderaan bermotor dan alat ganti. Gangguan kepada rantaian bekalan global telah menyebabkan pengeluaran automobil yang lebih rendah dan seterusnya harga automobil yang lebih tinggi dan pemansuhan diskaun. Di samping itu, keyakinan pengguna kian lemah kerana harga petrol yang tinggi, keadaan pasaran pekerjaan yang hanya meningkat dengan perlahan dan prestasi pasaran saham yang turun naik. Walau bagaimanapun, pelaburan tetap swasta meningkat dengan lebih cepat pada 5.8% (S1 11: 1.2%), berikutan aktiviti pembinaan kembali pulih dan pertumbuhan yang sederhana dalam perbelanjaan modal ke atas kelengkapan dan perisian. Perbelanjaan kerajaan menurun kerana wilayah dan kerajaan tempatan yang dibelenggu masalah fiskal terus mengurangkan perbelanjaan dan peluang pekerjaan. Inflasi meningkat pada kadar yang lebih cepat iaitu 3.4% (S1 11: 2.1%) disebabkan terutamanya oleh harga tenaga dan makanan yang lebih tinggi.

Ekonomi di **kawasan euro** berkembang pada kadar yang lebih perlahan pada suku kedua, berikutan berakhirnya kesan daripada faktor-faktor sementara yang merangsang pertumbuhan pada suku sebelumnya. Pertumbuhan yang sederhana juga disebabkan oleh peningkatan yang lebih perlahan dalam permintaan domestik dan luar negeri. Pertumbuhan dalam penggunaan swasta telah terjejas oleh inflasi yang lebih tinggi dan sentimen yang lebih lemah berikutan peningkatan krisis hutang kerajaan yang berpunca terutamanya daripada kebimbangan pelabur yang semakin nyata terhadap kemungkinan penyusunan semula hutang di Greece. Dalam ekonomi yang lebih kecil, permintaan domestik terus menerima kesan daripada langkah-langkah penjimatan fiskal. Dari segi inflasi, harga pengguna meningkat pada kadar yang lebih cepat iaitu 2.7% (S1 11: 2.5%), disebabkan terutamanya oleh harga tenaga dan komoditi yang lebih tinggi.

Di **UK**, KDNK benar menjadi perlahan kepada 0.2% pada suku kedua (S1 11: 0.5%). Pada asas tahunan, ekonomi berkembang pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 0.7% (S1 11: 1.6%). Pertumbuhan yang sederhana ini sebahagiannya disebabkan oleh faktor-faktor sementara termasuk hari kelepasan tambahan untuk bank pada bulan April dan juga kesan selepas tsunami Jepun yang telah menjejaskan aktiviti pengeluaran pada suku tersebut. Permintaan domestik terus menerima kesan daripada langkah-langkah penjimatan fiskal, sentimen yang lemah dan harga pengguna yang lebih tinggi. Inflasi meningkat pada kadar yang lebih pantas iaitu 4.4% pada suku kedua (S1 11: 4.1%), didorong oleh harga komoditi dan cukai nilai ditambah yang lebih tinggi pada bulan Januari 2011.

Aktiviti ekonomi di **Jepun** terus merosot sebanyak 1.3% pada kadar tahunan (S1 11: -3.6%) pada suku kedua berikutan kejutan dari segi penawaran dan kejatuhan eksport akibat bencana alam pada bulan Mac. Pada asas tahun ke tahun, ekonomi Jepun menguncup sebanyak 1.0% (S1 11:-1.0%). Pada bulan April, kekurangan bekalan elektrik terus mengganggu aktiviti pengeluaran lantas mengakibatkan eksport yang lebih perlahan. Namun, kadar penurunan menjadi lebih kecil pada bulan Mei ekoran pemulihan beransur-ansur dalam kapasiti pengeluaran. Pada suku kedua, eksport menurun sebanyak 5.3% mengikut asas tahunan (S1 11: +6.5%). Di dalam negeri, perbelanjaan runcit terus jatuh meskipun terdapat tanda-tanda bahawa sentimen pengguna semakin baik. Menjelang akhir suku kedua, pemulihan secara beransur-ansur dalam aktiviti pengeluaran mendorong kepada sentimen isi rumah dan perniagaan yang lebih baik. Hasilnya, perbelanjaan pengguna

menurun pada kadar yang lebih rendah iaitu 0.6% (S1 11: -1.0%) apabila kesediaan pengguna untuk berbelanja meningkat. Dari segi inflasi, harga pengguna teras (tidak termasuk makanan segar) meningkat sebanyak 0.5% (S1 11: -0.2%) disebabkan oleh peningkatan dalam harga tenaga.

Ekonomi Maju: Pertumbuhan KDNK Benar

	2010		2011		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
AS[1]	3.8	3.9	0.4	1.3[a]	1.1
UK	1.5	0.6	1.6	0.7[p]	1.2
Jepun[1]	-0.5	6.2	-3.6	-1.3[p]	-2.8

[1] Berasaskan kadar tahunan (annualised)
[a] Anggaran awal
[p] Awalan

Sumber: Pihak berkuasa negara

Dasar monetari dalam ekonomi maju kekal akomodatif. Di AS, **Federal Reserve** mengekalkan kadar *federal funds* pada 0 - 0.25% pada suku kedua. Fed juga menyempurnakan pembelian sekuriti Perbendaharaan jangka panjangnya berjumlah USD600 bilion di bawah program QE2 pada akhir bulan Jun, namun akan terus mengekalkan dasar sedia ada untuk melabur semula bayaran pokok daripada pemegangan sekuriti. Pada suku kedua, **European Central Bank** (ECB) menaikkan kadar dasar utamanya sebanyak 25 mata asas kepada 1.25% pada bulan April dan memberi isyarat bahawa ia akan terus menaikkan kadar faedah untuk menangani tekanan inflasi yang kian meningkat. Seterusnya pada 7 Julai, ECB menaikkan kadar dasarnya sebanyak 25 mata asas lagi kepada 1.5%. Walau bagaimanapun, pada 4 Ogos, ECB mengumumkan bahawa ia akan menyediakan semula peruntukan pinjaman bagi tempoh 6 bulan untuk menangani tekanan yang tercetus semula dalam pasaran kewangan. Sebaliknya, dalam mengimbangi antara inflasi yang lebih tinggi dan pemulihan ekonomi yang rapuh, **Bank of England** (BoE) memutuskan untuk mengekalkan kadar dasarnya pada 0.5% dan saiz program pembelian asetnya sebanyak £200 bilion. **Bank of Japan** (BoJ) mengekalkan kadar dasar semalamannya pada julat 0 - 0.1%.

Sebagai respons kepada bencana alam yang melanda Jepun, BoJ memperkenalkan program pemberian pinjaman satu tahun berjumlah ¥1 trilion pada kadar 0.1% untuk membantu syarikat di kawasan yang terlibat selain menubuhkan dana berjumlah ¥500 bilion buat bank untuk tujuan pelaburan dalam saham dan pemberian pinjaman. Pada bulan Ogos, BoJ meningkatkan program pembelian asetnya sebanyak ¥5 trilion kepada ¥15 trilion untuk terus menyokong pemulihan ekonomi. Program pinjaman berkadar tetap yang diwujudkan pada bulan Disember 2009, turut ditambah sebanyak ¥5 trilion kepada ¥35 trilion. Sementara itu, Swiss National Bank mengurangkan julat sasaran kadar faedahnya kepada antara 0 - 0.25% daripada 0 - 0.75% dalam mesyuarat tergempar bulan Ogos. Langkah tersebut bertujuan untuk menangani tekanan besar terhadap Swiss Franc sebagai mata wang yang selamat berikutan krisis hutang di Eropah dan Amerika Syarikat.

Negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar

	2010		2011		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
RR China	10.3	11.1	9.7	9.5	9.6
Indonesia	6.1	5.9	6.5	6.5	6.5
Hong Kong SAR	6.7	7.4	7.5	5.1[p]	6.3
China Taipei	12.9	13.2	6.5	4.9[a]	5.7
Korea	7.5	8.0	4.2	3.4[a]	3.8
Singapura	19.4	17.9	9.3	0.9	5.1

[p] Awalan
[a] Anggaran awal

Sumber: Pihak berkuasa negara

Selepas pertumbuhan yang teguh pada suku pertama, aktiviti ekonomi di **Asia** menjadi sederhana pada suku kedua. Pertumbuhan di rantau Asia terjejas terutamanya oleh gangguan kepada rantaian bekalan global ekoran terjejasnya pengeluaran di Jepun. Ini dicerminkan oleh pengembangan yang lebih perlahan dalam pengeluaran dan eksport. Namun, permintaan dalam negeri yang mampan terus mendorong pertumbuhan dalam kebanyakan ekonomi serantau. Penggunaan swasta kekal berdaya tahan,

disokong oleh akses kepada pembiayaan yang berterusan, keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan serta pendapatan yang meningkat. Di **RR China**, pertumbuhan menjadi sederhana kepada 9.5% (S1 11: 9.7%) ekoran pengembangan yang lebih perlahan dalam sektor pertanian dan perkilangan. Di **Hong Kong SAR**, pengembangan ekonomi menjadi perlahan kepada 5.1% (S1 11: 7.5%) disebabkan oleh eksport dan perbelanjaan kerajaan yang lebih sederhana. Di **China Taipei**, KDNK mencatat pertumbuhan yang sederhana pada 4.9% (S1 11: 6.5%) disebabkan oleh pertumbuhan yang lebih perlahan dalam penggunaan swasta serta sumbangan yang lebih rendah daripada eksport bersih. Di **Korea**, ekonominya berkembang pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 3.4% (S1 11: 4.2%) disebabkan oleh pertumbuhan eksport yang sederhana dalam keadaan aktiviti pelaburan yang terus lembap. Ekonomi **Singapura** mencatat pertumbuhan yang lebih rendah daripada jangkaan, iaitu sebanyak 0.9% pada suku kedua (S1 11: 9.3%), disebabkan terutamanya oleh aktiviti sektor perkilangan yang lebih perlahan, terutamanya disebabkan oleh prestasi menurun kelompok perkilangan bioperubatan yang sememangnya sentiasa turun naik. Pertumbuhan ekonomi di **Indonesia** kekal pada 6.5% (S1 11: 6.5%), hasil sokongan daripada pengembangan berterusan dalam penggunaan domestik, pelaburan dan eksport.

Inflasi keseluruhan kekal tinggi dalam ekonomi serantau disebabkan oleh kenaikan harga makanan dan tenaga. Trend meningkat inflasi teras dalam beberapa ekonomi serantau pada suku kedua juga menandakan bahawa tekanan permintaan semakin meningkat. Dalam keadaan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan tekanan inflasi yang meningkat, beberapa bank pusat serantau terus mengembalikan kadar faedah ke paras yang lebih wajar atau menaikkan kadar faedah dasar mereka. **People's Bank of China** menaikkan kadar faedah tanda arasnya masing-masing sebanyak 25 mata asas pada bulan April dan Julai lantas menaikkan kadar pinjaman setahunnya kepada 6.56% serta meningkatkan nisbah keperluan rizab bank-bank utama sebanyak 150 mata asas secara kumulatif kepada 21.5% pada suku kedua. **Bank of Thailand** pula meningkatkan kadar pembelian semula 1 harinya sebanyak 25 mata asas setiap kali pada bulan April, Jun dan Julai kepada 3.25% untuk membendung jangkaan inflasi dalam keadaan permintaan domestik yang teguh. Begitu juga dengan **Bangko Sentral ng Pilipinas** (BSP) yang menaikkan kadar pembelian semula semalamannya (overnight reverse purchase) sebanyak 25 mata asas kepada 4.50% pada bulan Mei. BSP juga menaikkan keperluan rizab banknya sebanyak 50 mata asas setiap kali pada bulan Jun dan Julai untuk membendung keadaan mudah tunai yang berlebihan daripada menimbulkan tekanan kenaikan harga. **Reserve Bank of India** menaikkan jumlah kadar pembelian semulanya sebanyak 125 mata asas pada bulan Mei dan Jun kepada 8.00%. **Bank of Korea** (BoK) juga menaikkan kadar asasnya sebanyak 25 mata asas kepada 3.25% pada bulan Jun atas jangkaan tekanan harga akan berterusan susulan daripada pertumbuhan ekonomi yang mampan dan unjuran inflasi yang lebih tinggi. Sebagai sebahagian daripada langkah untuk mengurangkan kesan aliran modal yang tidak menentu, BoK memperkenalkan langkah kehematan makro tambahan untuk mengehadkan institusi kewangan daripada melabur dalam bon berdenominasi mata wang asing yang dikeluarkan di dalam negara. Pada bulan Ogos, BoK membuat keputusan mengekalkan kadar dasarnya pada 3.25% untuk bulan kedua berikutan penarafan berdaulat AS yang lebih rendah serta krisis hutang Eropah yang telah menambah kebimbangan akan pemulihan ekonomi global. Selain itu, Korea Financial Services Commission memutuskan untuk melarang jualan singkat saham selama tiga bulan bermula 10 Ogos bagi mengekalkan kestabilan pasaran. Langkah ini adalah berikutan kerugian pasaran saham sebanyak 17% dalam masa enam hari urus niaga.

Harga **minyak mentah**[1] kekal tinggi dengan harga suku tahunan purata lebih tinggi pada USD102 setong pada suku kedua 2011 (S1 11:

[1] Merujuk kepada harga WTI niaga hadapan satu bulan di pasaran NYMEX

USD94 setong), meskipun pelarasan dibuat pada dua bulan terakhir suku tersebut. Setelah harga melonjak tinggi kepada USD113.9 setong pada akhir bulan April, yakni paras tertinggi pernah dicapai sejak bulan September 2008, trend peningkatan harga minyak mula bertukar arah pada bulan Mei. Harga minyak mencatat penurunan yang ketara pada minggu pertama bulan Mei disebabkan oleh penjualan yang besar susulan beberapa pengumuman prestasi ekonomi yang lebih rendah daripada jangkaan, yang lantas menandakan permintaan minyak dari AS semakin berkurang. Harga minyak terus jatuh ke paras terendah dalam tempoh empat bulan kepada USD91 setong berikutan pengumuman yang dibuat oleh International Energy Agency (IEA) pada 23 Jun untuk mengeluarkan 60 juta tong minyak daripada rizab petroleum strategik, dengan separuh daripadanya disumbangkan oleh AS. Namun kesan daripada tindakan tersebut hanyalah sementara memandangkan menjelang akhir suku kedua, harga minyak naik lagi dan mengakhiri suku tersebut pada USD95.4 setong.

Dalam **pasaran pertukaran asing**, kebanyakan daripada mata wang utama meningkat berbanding dengan dolar AS pada awal suku kedua. Euro, khususnya, meningkat pada bulan April berikutan kenaikan kadar dasar oleh ECB. Walau bagaimanapun, trend ini bertukar arah pada bulan Mei apabila kebimbangan yang lebih tinggi terhadap hutang kerajaan di Eropah dan tanda-tanda prospek pertumbuhan global yang semakin lemah menyebabkan penghindaran risiko global yang lebih ketara. Euro dan paun sterling mengakhiri suku kedua lebih rendah berbanding dengan dolar AS. Yen terus kukuh berbanding dengan dolar AS pada suku kedua kerana mendapat manfaat daripada peranannya sebagai mata wang yang selamat berikutan kecenderungan menghindari risiko yang lebih ketara dalam kalangan pelabur dalam pasaran kewangan global. Pada bulan Ogos, Jepun mengambil keputusan untuk campur tangan secara bersendirian dalam pasaran mata wang untuk melegakan tekanan ke atas yen. Yen jatuh sebanyak 4.1% berbanding dengan dolar AS berikutan campur tangan tersebut lantas melepasi paras kejatuhan 3.9% semasa campur tangan terdahulu bersama-sama dengan negara G-7 pada 18 Mac. Sebaliknya, mata wang serantau disokong oleh aliran masuk modal yang berterusan dan prospek pertumbuhan yang secara relatif lebih kukuh pada suku kedua. Walau bagaimanapun, kadar penambahan nilai adalah terhad oleh penghindaran risiko yang semakin ketara sejak bulan Mei. Pada 1 Ogos, dolar Singapura diniagakan pada paras tertinggi baharu iaitu SGD1.2015 bagi setiap dolar AS, manakala yuan China meningkat kepada 6.3940 bagi setiap dolar AS, yakni paras tertingginya dalam masa 17 tahun.

Melangkah ke hadapan, pertumbuhan ekonomi global diunjurkan terus positif disokong oleh aktiviti ekonomi dalam kebanyakan negara sedang pesat membangun dan keadaan rantaian bekalan global yang bertambah baik. Pemulihan keseluruhan ekonomi global bagaimanapun masih lagi dikekang oleh kelemahan struktur dalam ekonomi maju. Selain itu, ketidakpastian yang berpanjangan dalam pasaran kewangan boleh memberi kesan kepada aktiviti ekonomi benar.

PERKEMBANGAN EKONOMI MALAYSIA

Pertumbuhan sederhana pada suku kedua

Kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia menjadi sederhana pada suku kedua (4.0%; S1 11: 4.9%) ekoran kelembapan permintaan luar negeri. Kelembapan keseluruhan dalam ekonomi maju dan gangguan kepada rantaian bekalan perkilangan global yang berpunca daripada bencana alam di Jepun telah menyebabkan sektor perkilangan mencatat kadar pertumbuhan yang lebih perlahan. Namun, pertumbuhan keseluruhan terus disokong oleh pertumbuhan mampan permintaan swasta dalam negeri. Keadaan ini juga disokong oleh kekukuhan eksport komoditi dan produk yang berasaskan sumber berikutan permintaan serantau yang menggalakkan serta harga komoditi yang tinggi.

Permintaan dalam negeri mampan

Permintaan dalam negeri berkembang sebanyak 5.2% pada suku kedua (S1 11: 6.9%). Pertumbuhan dipacu terutamanya oleh penggunaan dan pelaburan swasta.

Penggunaan swasta meningkat sebanyak 6.4% pada suku kedua (S1 11: 6.7%). Perbelanjaan keseluruhan disokong oleh pertumbuhan pendapatan yang berterusan berikutan keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan. Harga komoditi yang kekal pada paras yang tinggi juga terus mendorong perbelanjaan di kawasan luar bandar. Penunjuk utama penggunaan seperti jualan perkilangan bagi makanan dan minuman, perbelanjaan kad kredit serta import barangan penggunaan mencatat kenaikan pada suku kedua. Namun, penggunaan swasta benar terjejas oleh kenaikan harga makanan dan bahan api, dengan purata inflasi keseluruhan sebanyak 3.3% pada suku kedua (S1 11: 2.8%). Peningkatan inflasi turut menjejaskan sentimen pengguna, seperti yang dicerminkan oleh penurunan kecil dalam Indeks Sentimen Pengguna MIER kepada 107.9 mata pada suku kedua (S1 11: 108.2 mata). Faktor ini menyebabkan pengguna mengamalkan sikap yang lebih berhati-hati dalam perbelanjaan pilihan sendiri (discretionary) pada suku kedua.

Penggunaan awam terus meningkat, walaupun pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 4% (S1 11: 8.9%), disebabkan oleh perbelanjaan emolumen serta bekalan dan perkhidmatan.

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2000)

	2010		2011		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	9.1	7.3	6.9	5.2	6.1
Penggunaan	7.8	6.6	7.1	5.9	6.5
Sektor swasta	*7.9*	*6.5*	*6.7*	*6.4*	*6.6*
Sektor awam	*7.3*	*7.0*	*8.9*	*4.0*	*6.3*
Pembentukan Modal Tetap Kasar	12.9	9.5	6.5	3.2	4.7
Eksport Bersih	-41.7	-25.9	-39.6	17.2	-21.4
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*14.0*	*16.5*	*1.4*	*4.1*	*2.8*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*22.6*	*25.0*	*8.4*	*3.2*	*5.7*
KDNK	**9.0**	**9.5**	**4.9**	**4.0**	**4.4**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pembentukan modal tetap kasar menjadi sederhana kepada 3.2% (S1 11: 6.5%), disebabkan pelaburan awam yang lebih rendah. Walau bagaimanpun, pelaburan swasta kekal kukuh pada suku kedua. Kadar penggunaan kapasiti yang tinggi dalam sektor perkilangan menyebabkan firma meningkatkan kapasiti pengeluaran mereka, manakala harga minyak mentah yang kekal tinggi meningkatkan aktiviti cari gali dan pembangunan sektor minyak dan gas. Perbelanjaan modal turut disokong oleh pelaburan dalam bidang pertumbuhan baharu, iaitu industri tenaga suria, E&E berteknologi tinggi dan kelengkapan perubatan. Pertumbuhan yang berterusan juga dicatat dalam kebanyakan penunjuk pelaburan utama, iaitu pemberian pinjaman bank kepada perniagaan, pengeluaran dan jualan bahan berkaitan pembinaan serta jualan kenderaan perdagangan. Yang penting, keyakinan perniagaan adalah lebih baik seperti yang ditunjukkan oleh peningkatan dalam Indeks Keadaan Perniagaan MIER kepada 114.0 mata pada suku kedua (S1 11: 113.3 mata). Pelaburan awam disokong oleh perbelanjaan modal yang terus meningkat oleh perusahaan awam bukan kewangan manakala perbelanjaan

pembangunan Kerajaan Persekutuan menurun pada suku kedua. Sejumlah besar daripada perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan disalurkan kepada sektor pendidikan, pengangkutan serta sektor perdagangan dan perindustrian.

Perniagaan dan Pengguna Terus Optimistik



Sumber: MIER

KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2000)

	2010		2011		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
Pertanian	2.8	4.9	-0.2	6.9	3.4
Perlombongan	1.5	1.2	-4.2	-9.2	-6.6
Perkilangan	16.0	16.5	5.5	2.1	3.8
Pembinaan	4.1	6.2	3.8	0.6	2.1
Perkhidmatan	7.4	8.0	6.4	6.3	6.4
KDNK Benar (Perubahan Tahunan)	**9.0**	**9.5**	**4.9**	**4.0**	**4.4**
KDNK Benar (Perubahan Berbanding dengan Tempoh Sebelumnya)	**3.8**	**0.0**	**-2.8**	**2.8**	**-0.6**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan sederhana dalam kebanyakan sektor ekonomi

Dari segi penawaran, pertumbuhan dalam kebanyakan sektor ekonomi menjadi sederhana pada suku kedua. Pertumbuhan yang sederhana dalam sektor perkilangan mencerminkan terutamanya kelembapan prestasi ekonomi global dan kesan gangguan kepada rantaian bekalan global terhadap aktiviti yang berkaitan dengan perdagangan. Walau bagaimanapun, pertumbuhan dalam sektor perkhidmatan terus disokong oleh aktiviti berasaskan dalam negeri. Sektor pembinaan menjadi sederhana disebabkan oleh pelaksanaan projek infrastruktur yang perlahan, sementara prestasi sektor komoditi bercampur-campur.

Pertumbuhan nilai ditambah **sektor perkilangan** menjadi perlahan kepada 2.1% (S1 11: 5.5%), apabila pengeluaran industri berorientasikan eksport dan industri berorientasikan dalam negeri mencatat pertumbuhan yang lebih sederhana. Pengeluaran E&E dalam **industri berorientasikan eksport** terus menurun, diburukkan lagi oleh kemerosotan prestasi sektor komputer dan separa konduktor. Selain itu, pengeluaran produk petroleum yang ditapis mencatat penurunan yang ketara disebabkan oleh penutupan beberapa kemudahan pengeluaran minyak mentah untuk tujuan penyenggaraan. Sementara itu, peningkatan berterusan dalam **industri berorientasikan dalam negeri** disokong oleh prestasi mantap kelompok keluaran berkaitan pembinaan,

Prestasi Sektor Perkilangan

	2010		2011		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan Tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2000)	**16.0**	**16.5**	**5.5**	**2.1**	**3.8**
Pengeluaran Keseluruhan[1]	**16.1**	**15.7**	**6.0**	**2.1**	**4.0**
Industri berorientasikan eksport	**14.4**	**14.4**	**5.1**	**1.6**	**3.3**
Kelompok elektronik dan keluaran elektrik	**30.4**	**33.1**	**-5.3**	**-6.9**	**-6.1**
Antaranya:					
Elektronik	19.3	21.5	-18.1	-14.9	-16.5
Keluaran elektrik	52.3	58.4	17.9	5.5	11.3
Kelompok keluaran berkaitan sumber	**6.4**	**5.5**	**11.4**	**6.7**	**9.0**
Antaranya:					
Bahan kimia dan keluaran kimia	10.4	17.0	5.5	6.6	6.0
Keluaran petroleum	-0.8	-12.3	26.0	2.2	13.6
Keluaran getah	19.1	27.7	12.4	21.2	16.8
Pemprosesan di luar estet	0.2	2.2	-7.4	17.6	5.3
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**21.9**	**20.0**	**8.9**	**3.7**	**6.2**
Kelompok keluaran berkaitan pembinaan	**23.1**	**22.5**	**22.1**	**17.6**	**19.7**
Antaranya:					
Keluaran berkaitan pembinaan	26.5	26.8	15.3	15.4	15.3
Keluaran logam yang direka	19.0	17.1	32.0	20.6	25.8
Kelompok keluaran berkaitan pengguna	**20.9**	**18.3**	**-0.3**	**-6.6**	**-3.5**
Antaranya:					
Kelengkapan pengangkutan	38.6	39.5	-3.9	-15.2	-9.7
Makanan, minuman & keluaran tembakau	12.2	7.3	6.7	1.8	4.1

[1]Indeks Pengeluaran Perindustrian (2005=100)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

yang terus mendapat manfaat daripada aktiviti pembinaan kediaman dalam negeri. Walau bagaimanapun, kelompok keluaran berkaitan pengguna terjejas oleh gangguan dalam rantaian bekalan automotif lantaran perkembangan di Jepun, dengan pengeluaran peralatan pengangkutan, terutamanya kenderaan bermotor dan alat ganti yang berkaitan menurun dengan ketara.

Kadar penggunaan kapasiti keseluruhan dalam sektor perkilangan menjadi sederhana sedikit (78%; S1 11: 79%), mencerminkan pertumbuhan pengeluaran yang lebih perlahan dalam sektor tersebut. Industri berorientasikan eksport dan dalam negeri masing-masing beroperasi pada 78% dan 76% daripada jumlah kapasiti pada suku kedua (S1 11: masing-masing 80% dan 76%).

Dalam **sektor perkhidmatan**, pertumbuhan dalam subsektor **perdagangan borong dan runcit** terus meningkat pada kadar 7.3% (S1 11: 6.8%) disebabkan pertumbuhan dalam segmen borong dan runcit yang terus berdaya tahan, disokong oleh pertumbuhan pendapatan yang mampan berikutan keadaan pasaran pekerja yang menggalakkan. Walau bagaimanapun, segmen kenderaan bermotor merosot, mencerminkan penurunan jualan kenderaan bermotor baharu disebabkan oleh

Kadar penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan*



* Mulai tahun 2009, penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan telah diasaskan semula daripada nilai tambah tahun 2004 kepada nilai tambah tahun 2006

Sumber: Bank Negara Malaysia & Jabatan Perangkaan Malaysia

gangguan kepada rantaian bekalan global. Perbelanjaan sektor swasta dalam negeri yang berterusan juga menyokong pertumbuhan yang lebih tinggi dalam subsektor **penginapan dan restoran**. Subsektor **kewangan dan insurans** berkembang sebanyak 5.6% (S1 11: 6.8%), didorong oleh pertumbuhan yang berterusan dalam pendapatan faedah bersih dan pendapatan berasaskan fi hasil daripada pertumbuhan pinjaman yang memuaskan. Aktiviti berkaitan pasaran modal yang kukuh juga mendorong pertumbuhan yang mampan dalam subsektor **harta tanah dan perkhidmatan perniagaan** (7.6%; S1 11: 8.8%).

Prestasi Sektor Perkhidmatan (nilai ditambah pada harga malar tahun 2000)

	Bahagian 2010 (%)	2010		2011		
		S2	ST1	S1	S2	ST1
		Perubahan tahunan (%)				
Perkhidmatan Pengantara	**43.7**	**7.3**	**8.0**	**6.8**	**6.0**	**6.4**
Kewangan & insurans	20.3	8.7	7.9	6.8	5.6	6.2
Harta tanah & perkhidmatan perniagaan	9.5	2.8	8.2	8.8	7.6	8.2
Pengangkutan & penyimpanan	6.6	9.0	8.5	4.3	4.7	4.5
Komunikasi	7.4	8.3	7.5	6.4	6.5	6.5
Perkhidmatan Akhir	**56.3**	**7.4**	**8.0**	**6.1**	**6.5**	**6.3**
Perdagangan borong & runcit	23.6	8.8	9.2	6.8	7.3	7.1
Penginapan & restoran	4.2	5.9	5.7	4.0	5.9	4.9
Utiliti	5.2	9.0	12.7	1.3	2.4	1.8
Perkhidmatan Kerajaan	13.0	8.0	7.8	9.4	8.6	9.0
Perkhidmatan lain	10.2	3.6	4.1	3.9	4.6	4.3
Jumlah Perkhidmatan	**100.0**	**7.4**	**8.0**	**6.4**	**6.3**	**6.4**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk Suku Tahunan Terpilih Sektor Perkhidmatan

	2010				2011	
	S1	S2	S3	S4	S1	S2
	Indeks					
Indeks Sentimen Pengguna MIER	114.2	110.4	115.8	117.2	108.2	107.9
Indeks Perdagangan Runcit MIER	106.9	134.1	140.0	132.0	99.1	124.8
Indeks Pasaran Pelancongan MIER	120.5	118.2	118.8	124.6	113.1	125.4
	Perubahan tahunan (%)					
Ketibaan pelancong	5.3	3.9	5.6	1.2	-3.7	t.d.
Jumlah penumpang di kesemua lapangan terbang	20.3	14.1	10.0	6.3	11.8	13.4
Jumlah kredit penggunaan terkumpul	9.5	10.6	10.7	9.8	9.5	8.7
Pinjaman terkumpul kepada perdagangan borong & runcit, hotel & restoran	4.5	8.6	7.3	7.5	7.2	6.8
Import barangan penggunaan	18.5	13.3	3.2	6.9	5.3	16.8
Jumlah jualan kenderaan bermotor	22.7	17.4	3.7	9.3	7.5	-9.7
Kargo kontena yang dikendali (Pelabuhan Klang dan PTP)	22.5	21.3	10.9	9.6	14.4	9.6

Sumber: Pelbagai sumber

Sementara itu, **sektor pembinaan** menjadi sederhana kepada 0.6% (S1 11: 3.8%), kerana pelaksanaan projek infrastruktur yang perlahan menyebabkan penguncupan dalam segmen kejuruteraan awam. Subsektor kediaman terus berkembang, disokong oleh sentimen positif dalam keadaan guna tenaga dan pembiayaan yang menggalakkan, manakala pembinaan bangunan komersial yang berterusan, khususnya pejabat dan ruang runcit, terus menyokong subsektor bukan kediaman.

Penunjuk bagi Sektor Pembinaan

	2010		2011		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
Permit jualan dan pengiklanan baharu	14.9	22.1	25.1	11.6	17.7
Kelulusan perumahan	8.9	11.1	31.6	14.1	22.1
Pengeluaran[1] bahan berkaitan pembinaan	23.1	22.5	22.1	17.6	19.7
Kelulusan pinjaman untuk pembinaan	43.7	42.2	29.3	31.8	30.7
Import bahan pembinaan dan bahan galian	28.3	40.0	-1.8	22.5	10.4

[1] Indeks Pengeluaran Perindustrian (2005=100)

Sumber: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Dalam sektor komoditi, nilai ditambah **sektor pertanian** pulih kembali untuk mencatat pertumbuhan sebanyak 6.9% (S1 11: -0.2%), mencerminkan terutamanya peningkatan dalam pengeluaran minyak sawit mentah dan getah asli berikutan keadaan cuaca yang bertambah baik. Sebaliknya, **sektor perlombongan** menguncup sebanyak 9.2% (S1 11: -4.2%), apabila pengeluaran minyak mentah menurun disebabkan oleh penutupan loji pengeluaran untuk tujuan penyenggaraan.

Prestasi Sektor Pertanian

	2010		2011		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2000)	**2.8**	**4.9**	**-0.2**	**6.9**	**3.4**
Tanaman Industri	**-3.3**	**2.1**	**-8.3**	**9.9**	**0.9**
Tanaman Makanan	**10.2**	**8.2**	**8.9**	**3.5**	**6.1**
Pengeluaran					
Antaranya:					
Minyak sawit mentah	-0.4	0.7	-7.7	22.2	7.7
Getah	0.0	17.4	2.5	16.2	8.3
Ikan	4.5	1.1	2.0	-1.4	0.2
Ternakan	2.4	4.9	-6.3	6.7	0.2

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
Lembaga Getah Malaysia (LGM)
Jabatan Perikanan Malaysia
Jabatan Perkhidmatan Haiwan Malaysia
Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perlombongan

	2010		2011		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2000)	**1.5**	**1.2**	**-4.2**	**-9.2**	**-6.6**
Pengeluaran					
Antaranya:					
Minyak mentah dan kondensat	-1.6	-1.3	-7.3	-17.8	-12.5
Gas asli	0.4	1.4	-0.9	2.7	0.8

Sumber: PETRONAS
Jabatan Perangkaan Malaysia

Inflasi meningkat pada suku kedua

Kadar inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh perubahan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat kepada 3.3% mengikut asas tahunan pada suku kedua (S1 11: 2.8%), didorong oleh faktor penawaran. Kenaikan harga pengguna disebabkan terutamanya oleh kategori *makanan dan minuman tanpa alkohol,* yang meningkat sebanyak 4.7% (S1 11: 4.3%). Kenaikan harga makanan terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga bagi subkategori *daging serta ikan dan makanan laut,* yang masing-masing meningkat sebanyak 8.2% dan 5.2% (S1 11: masing-masing 5.5% dan 3.5%). Kenaikan harga ikan dan makanan laut disebabkan oleh gangguan bekalan. Harga dalam kategori *pengangkutan* juga mencatat kenaikan sebanyak 5.7% (S1 11: 4.4%), mencerminkan pelarasan menaik pada harga petrol RON97 pada bulan April dan Mei berikutan kenaikan harga minyak mentah global. Walau bagaimanapun, kenaikan harga ini diimbangi sebahagiannya oleh penurunan dalam harga kategori *pakaian dan kasut*. Sementara itu, kenaikan harga bekalan elektrik pada bulan Jun memberikan kesan langsung yang minimum terhadap IHP, memandangkan kesannya terhad kepada isi rumah yang menggunakan elektrik lebih daripada 300kW sejam.

Sumbangan kepada Inflasi



Sumber: Bank Negara Malaysia

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) meningkat pada kadar yang lebih tinggi sebanyak 10.2% mengikut asas tahunan pada suku kedua (S1 11: 7.4%). Harga dalam komponen berkaitan komoditi meningkat sebanyak 27.1% (S1 11: 19.5%), manakala harga dalam komponen bukan berkaitan komoditi mencatat kenaikan sebanyak 2.3% (S1 11:1.7%). Dari segi komposisi, harga komponen IHPR yang diimport mencatat kenaikan sebanyak 2.8% (S1 11: 1.8%), manakala harga komponen IHPR tempatan meningkat sebanyak 13.6% (S1 11: 9.9%).

Keadaan pasaran pekerja kekal positif

Keadaan pasaran pekerja bertambah baik pada suku kedua dengan jumlah pemberhentian pekerja menurun lebih daripada separuh berbanding dengan suku sebelumnya kepada 1,105 orang (S1 11: 2,621 orang). Kebanyakan sektor utama mencatat jumlah pemberhentian pekerja yang lebih kecil dengan sektor perkilangan mencatat pemulihan yang ketara (370 orang: S1 11: 1,822 orang), berikutan pemberhentian pekerja dalam jumlah yang lebih kecil, terutamanya dalam industri E&E, perkayuan, getah dan plastik. Walau bagaimanapun, sektor perkhidmatan mencatat pemberhentian pekerja yang lebih tinggi (656 orang; S1 11: 644 orang), terutamanya disebabkan oleh pemberhentian pekerja dalam subsektor perkhidmatan sosial dan swasta.

Permintaan terhadap pekerja pada suku kedua kekal kukuh, seperti yang ditunjukkan oleh penambahan bilangan jawatan kosong yang diiklankan di Portal JobsMalaysia (514,189 jawatan; S1 11: 568,717 jawatan). Pada suku kedua, bilangan jawatan kosong adalah ketara lebih tinggi dalam sektor perkilangan, pembinaan dan perlombongan. Sejajar dengan perkembangan positif ini, kadar pengangguran keseluruhannya menurun kepada 3% pada dua bulan pertama suku kedua (S1 11: 3.1%). Walau bagaimanapun, upah benar dalam sektor perkilangan meningkat pada kadar yang lebih tinggi (4.8%; S1 11: 3.9%).

Keadaan Pasaran Pekerja



Sumber: Kementerian Sumber Manusia

Eksport berkembang manakala import meningkat pada kadar sederhana

Lebihan perdagangan berjumlah RM27.1 bilion pada suku kedua (S1 2011: RM31.8 bilion). Eksport kasar berkembang sebanyak 8.3% (S1 11: 4.8%), dipacu terutamanya oleh eksport keluaran komoditi dan barangan bukan E&E. Sementara itu, import kasar mencatat pertumbuhan yang sederhana sebanyak 7.1% (S1 11: 12.4%), disebabkan terutamanya oleh penurunan import bagi barangan pengantara dan barangan modal.

Pertumbuhan **eksport kasar** disokong oleh pertumbuhan eksport komoditi yang lebih kukuh (28.8%; S1 11: 20.1%) dan peningkatan kecil eksport perkilangan (1.2%; S1 11: -0.8%). Eksport komoditi dan barangan bukan E&E terus meningkat (9.1%; S1 11: 7.2%), disokong oleh harga komoditi yang lebih tinggi dan permintaan serantau yang lebih kukuh, terutamanya permintaan terhadap kapasiti penjanaan tenaga dan pembinaan semula selepas gempa bumi di Jepun. Sementara itu, eksport E&E juga terus mencatat penguncupan apabila eksport komputer dan alat ganti kekal rendah.

Pertumbuhan **import kasar** menjadi sederhana apabila import barangan modal dan barangan pengantara meningkat pada kadar yang lebih perlahan pada suku kedua. Peningkatan sederhana import modal disebabkan oleh import jentera yang lebih rendah manakala import barangan pengantara yang sederhana mencerminkan penurunan import peralatan dan aksesori jentera, sejajar dengan gangguan

Prestasi Perdagangan Luar Negeri



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Akaun Perdagangan

	2010		2011		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)				
Eksport Kasar	**21.2**	**27.5**	**4.8**	**8.3**	**6.6**
Perkilangan	16.9	24.5	-0.8	1.2	0.2
E&E	*16.1*	*25.4*	*-7.5*	*-5.5*	*-6.5*
Bukan E&E	*17.9*	*23.4*	*7.2*	*9.1*	*8.2*
Komoditi	38.7	39.4	20.1	28.8	24.4
Pertanian	*22.1*	*33.2*	*25.1*	*42.1*	*33.4*
Mineral	*52.6*	*43.8*	*16.7*	*19.9*	*18.3*
Import Kasar	**30.2**	**32.7**	**12.4**	**7.1**	**9.6**
Barangan modal	26.5	18.1	9.3	3.5	6.2
Barangan pengantara	30.5	33.9	13.9	4.8	9.0
Barangan penggunaan	13.3	15.8	5.3	16.8	11.1
Imbangan perdagangan (RM bilion)	**23.4**	**62.4**	**31.8**	**27.1**	**58.9**

Sumber: MATRADE dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Malaysia: Destinasi Eksport

	2010		2011			2010		2011		
	S2	ST1	S1	S2	ST1	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan tahunan (%)					Bahagian daripada jumlah eksport (%)				
Amerika Syarikat	**5.1**	**7.8**	**-8.0**	**-7.4**	**-7.7**	**10.0**	**9.7**	**8.3**	**8.5**	**8.4**
Kesatuan Eropah (EU)	**22.4**	**25.7**	**5.5**	**2.4**	**3.9**	**10.8**	**10.7**	**10.7**	**10.2**	**10.4**
Negara ASEAN terpilih[1]	**17.0**	**27.3**	**-0.3**	**5.9**	**2.7**	**25.2**	**25.6**	**24.6**	**24.6**	**24.6**
Timur Laut Asia	**27.8**	**41.2**	**2.2**	**8.8**	**5.4**	**24.5**	**24.8**	**24.4**	**24.6**	**24.5**
Republik Rakyat China	*27.7*	*45.6*	*3.2*	*9.0*	*6.0*	*12.4*	*12.8*	*12.9*	*12.5*	*12.7*
Hong Kong SAR	*22.6*	*29.0*	*-1.7*	*-4.7*	*-3.3*	*5.4*	*5.1*	*4.6*	*4.7*	*4.6*
China Taipei	*48.9*	*60.8*	*18.0*	*15.3*	*16.6*	*3.1*	*3.0*	*3.2*	*3.3*	*3.2*
Korea	*20.8*	*32.3*	*-6.9*	*22.6*	*6.4*	*3.6*	*3.9*	*3.8*	*4.0*	*3.9*
Asia Barat	**-0.3**	**7.3**	**17.6**	**6.8**	**12.0**	**3.6**	**3.4**	**3.7**	**3.5**	**3.6**
India	**14.5**	**18.0**	**23.7**	**45.2**	**33.9**	**3.0**	**3.2**	**3.9**	**4.1**	**4.0**
Jumlah eksport	**21.2**	**27.5**	**4.8**	**8.3**	**6.6**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**	**100.0**

[1]Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Vietnam

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan Import



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

dalam pengeluaran global ekoran bencana alam di Jepun. Walau bagaimanapun, import barangan penggunaan meningkat dengan kukuh pada suku kedua, mencerminkan penggunaan swasta yang terus tinggi dan kenaikan harga makanan dan minuman.

Peningkatan aliran masuk FDI dan pelaburan portfolio

Pada asas tunai, aliran masuk kasar **pelaburan langsung asing** (FDI)* adalah lebih tinggi pada RM13.4 pada suku kedua (S1 11: +RM7.6 bilion), disebabkan oleh aliran masuk modal ekuiti yang lebih tinggi dan pengeluaran pinjaman antara syarikat. Selepas pelarasan aliran keluar kasar yang disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik pinjaman antara syarikat, FDI bersih juga lebih tinggi pada RM6.2 bilion (S1 11: +RM4 bilion). Pada suku kedua, sebahagian besar daripada aliran masuk FDI disalurkan ke dalam syarikat yang terlibat dalam subsektor kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan. FDI dalam sektor perkilangan, minyak dan gas kekal dalam jumlah yang besar.

Aliran keluar **pelaburan langsung luar negeri** (DIA)* bersih oleh syarikat Malaysia meningkat kepada RM9.4 bilion (S1 11: -RM3.7 bilion), mencerminkan sebahagian besarnya peningkatan aliran keluar modal ekuiti dan pemberian pinjaman bersih antara syarikat kepada syarikat subsidiari di luar negeri. Pelaburan luar negeri oleh syarikat Malaysia disalurkan terutamanya ke dalam sektor perkhidmatan, khususnya dalam subsektor kewangan dan insurans, perkhidmatan perniagaan dan komunikasi.

Pelaburan portfolio mencatat aliran masuk yang lebih besar sebanyak RM37.6 bilion (S1 11: +RM8.1 bilion). Aliran masuk yang agak besar ini mencerminkan terutamanya pembelian sekuriti hutang, khususnya sekuriti bank pusat dan sekuriti Kerajaan oleh bukan pemastautin. Aliran dana yang besar juga masuk ke dalam pasaran ekuiti. Walaupun terdapat kebimbangan yang meningkat terhadap prospek pertumbuhan global dan krisis hutang kerajaan negara Eropah, aliran masuk dana portfolio terus didorong oleh asas-asas yang kukuh dan prospek pertumbuhan ekonomi dalam negeri yang menggalakkan.

Hutang luar negeri kekal terurus

Jumlah hutang luar negeri Malaysia ialah RM241.7 bilion atau USD79.1 bilion pada akhir bulan Jun 2011 (akhir bulan Mac: RM233.5 bilion atau USD76.4 bilion), bersamaan dengan 30% daripada PNK.

Hutang luar negeri jangka sederhana dan panjang meningkat kepada RM149.5 bilion (akhir bulan Mac: RM142.3 bilion), mencerminkan terutamanya kedudukan peminjaman bersih sektor swasta disebabkan oleh peminjaman yang lebih tinggi oleh sektor bank dan juga bukan bank. Walau bagaimanapun, sektor awam mencatat kedudukan pembayaran balik bersih susulan pembayaran balik pinjaman oleh beberapa Perusahaan Awam Bukan Kewangan pada suku tersebut.

Pada akhir bulan Jun 2011, **hutang luar negeri jangka pendek** berjumlah RM92.2 bilion atau USD30.2 bilion (akhir bulan Mac: RM91.1 bilion), mencerminkan terutamanya peminjaman antara bank yang lebih tinggi. Hutang luar negeri jangka pendek mencakupi 38.1% daripada jumlah hutang luar negeri. Paras rizab antarabangsa terkini pada 29 Julai 2011 mampu membiayai 4.4 kali hutang luar negeri jangka pendek.

* Statistik bagi FDI dan DIA pada asas tunai tidak termasuk perolehan tertahan.

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2010	2011	
	akhir-Jun[a]	akhir-Mar[a]	akhir-Jun[a]
	RM bilion		
Hutang jangka sederhana dan panjang	149.9	142.3	149.5
Sektor awam	85.4	77.2	77.5
Sektor swasta	64.6	65.1	72.0
Hutang jangka pendek[1]	72.2	91.1	92.2
Jumlah hutang luar negeri	**222.2**	**233.5**	**241.7**
bersamaan USD bilion	67.3	76.4	79.1
Hutang Luar Negeri Terkumpul/PNK	30.0	29.0	30.0
Rizab antarabangsa/Hutang luar negeri jangka pendek	4.3	3.8	4.4[2]

[1] Tidak termasuk mata wang dan deposit yang dimiliki oleh bukan pemastautin dalam institusi perbankan pemastautin
[2] Berdasarkan rizab antarabangsa pada 29 Julai 2011
[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Rizab antarabangsa kekal tinggi

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM406.3 bilion (bersamaan dengan USD134.3 bilion) pada 30 Jun 2011. Paras rizab ini telah mengambil kira pelarasan suku tahunan bagi peningkatan nilai rizab disebabkan oleh penilaian semula pertukaran asing berikutan pengukuhan beberapa mata wang utama berbanding dengan ringgit pada suku tersebut. Pada 29 Julai 2011, kedudukan rizab berjumlah RM409.6 bilion (bersamaan dengan USD135.4 bilion), memadai untuk membiayai 9.6 bulan import tertangguh dan ialah 4.4 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kedudukan fiskal bertambah baik berikutan pungutan hasil yang lebih tinggi

Kerajaan Persekutuan mencatat lebihan fiskal yang kecil sebanyak 0.4% daripada KDNK pada suku kedua. Jumlah hasil meningkat 18.3%, disumbangkan terutamanya oleh cukai petroleum dan cukai pendapatan individu yang lebih tinggi. Dari segi perbelanjaan, peningkatan adalah disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan mengurus yang lebih tinggi untuk pembayaran subsidi, dan pembelian bekalan dan perkhidmatan. Pada akhir bulan Jun 2011, jumlah hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan ialah RM437.2 bilion atau 52.7% daripada KDNK.

Kewangan Kerajaan Persekutuan[a]

	2010		2011		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	RM bilion				
Hasil	42.0	70.7	39.8	49.6	89.4
% pertumbuhan	6.6	-6.0	38.4	18.3	26.4
Perbelanjaan mengurus	37.1	69.0	38.7	40.6	79.2
% pertumbuhan	-5.8	-6.4	21.2	9.5	14.9
Akaun semasa	**4.9**	**1.7**	**1.1**	**9.1**	**10.2**
% daripada KDNK	***2.6***	***0.5***	***0.5***	***4.3***	***2.5***
Perbelanjaan pembangunan kasar	12.1	19.4	6.4	8.3	14.8
% pertumbuhan	0.1	-4.5	-12.0	-31.3	-24.0
Imbangan keseluruhan	**-7.1**	**-17.3**	**-5.2**	**0.8**	**-4.4**
% daripada KDNK	***-3.8***	***-4.7***	***-2.6***	***0.4***	***-1.1***
Memo:					
Jumlah perbelanjaan kasar	49.2	88.4	45.1	48.9	94.0
% pertumbuhan	*-4.4*	*-6.0*	*15.0*	*-0.5*	*6.4*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	388.1	388.1	430.2	437.2	437.2
% daripada KDNK	*50.7*	*50.7*	*51.8*	*52.7*	*52.7*
Hutang dalam negeri	371.0	371.0	414.2	421.0	421.0
% daripada KDNK	*48.4*	*48.4*	*49.9*	*50.7*	*50.7*
Hutang luar negeri	17.1	17.1	15.9	16.2	16.2
% daripada KDNK	*2.2*	*2.2*	*1.9*	*1.9*	*1.9*

[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

Kewangan Kerajaan Persekutuan



[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Kadar faedah dinaikkan susulan kenaikan OPR

Pada 5 Mei 2011, Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) menaikkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 3.00%. Tahap dasar monetari yang akomodatif telah diselaraskan sebagai langkah awalan untuk mengelak ketidakseimbangan kewangan yang mungkin berlaku. Pada mesyuarat bulan Julai, MPC memutuskan untuk menangguhkan buat sementara waktu langkah mengembalikan kadar faedah ke paras yang lebih wajar (normalization) dan berikutan itu telah mengekalkan OPR kerana wujud ketidakpastian yang lebih ketara ekoran perkembangan pada peringkat global yang telah menyebabkan timbulnya risiko pertumbuhan yang lebih perlahan.

Purata wajaran harian bagi kadar antara bank semalaman (average overnight interbank rate, AOIR) adalah lebih tinggi pada suku kedua bagi mencerminkan kenaikan OPR. Pada tempoh 1 April hingga 28 April 2011, AOIR bergerak dalam julat 2.67% hingga 2.74%. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain stabil pada tempoh ini. Berikutan kenaikan OPR daripada 2.75% kepada 3.00% pada 5 Mei, AOIR adalah lebih tinggi dalam julat 2.83% hingga 3.00% dari 6 Mei hingga 30 Jun 2011. Kadar antara bank bagi tempoh matang lain turut meningkat. Keadaan pasaran secara keseluruhan kekal stabil ketika institusi kewangan beralih kepada paras kadar faedah baharu.

Swap kadar faedah (interest rate swap, IRS) 1 tahun meningkat kepada purata 3.52% pada suku kedua (S1 11: 3.375%), sejajar dengan kenaikan OPR. Walau bagaimanapun, kenaikan ini tidak dicerminkan pada tempoh matang lain, dengan IRS 3 tahun secara relatif stabil pada 3.78%, manakala IRS 5 tahun dan 10 tahun menurun, dengan IRS 10 tahun menurun kepada 4.285% (S1 11: 4.665%), dalam keadaan aliran masuk portfolio yang lebih tinggi.

Kadar Faedah

	2010	2011	
	S2	S1	S2
	Pada akhir tempoh (%)		
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	2.50	2.75	3.00
Kadar antara bank			
Semalaman	2.43	2.74	2.97
1 bulan	2.71	2.79	3.08
Kadar berian pinjaman asas (BLR)			
Bank perdagangan	6.02	6.27	6.54
Kadar pinjaman purata (ALR)			
Bank perdagangan	5.05	5.06	5.07
Kadar deposit tetap			
Bank perdagangan			
3 bulan	2.51	2.74	2.99
12 bulan	2.82	2.98	3.23

Sumber: Bank Negara Malaysia

Purata Wajaran Harian bagi Kadar Antara Bank Semalaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

Swap Kadar Faedah: Kadar



Sumber: Bloomberg

Pasaran hadapan 3 bulan KLIBOR Bursa Malaysia (FKB3) juga meningkat kepada 3.29% pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mac: 3.04%). Berikutan jangkaan bahawa tiada pelarasan tambahan bagi OPR untuk tempoh jangka pendek, sesetengah pelabur telah melupuskan pelaburan mereka dalam pasaran.

Penyimpan turut menerima kadar pulangan lebih tinggi terhadap simpanan mereka susulan kenaikan OPR. Kadar deposit tetap (fixed deposit, FD) disebut purata meningkat antara 24 hingga 28 mata asas kepada julat lebih tinggi iaitu 2.95% hingga 3.23% pada akhir bulan Jun. Khususnya, kadar FD 12 bulan mencatat kenaikan ketara sebanyak 25 mata asas disebabkan oleh kenaikan OPR.

Kadar pinjaman runcit juga telah dinaikkan. Kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan meningkat sebanyak 27 mata asas kepada 6.54%. Semua bank perdagangan domestik telah membuat pelarasan terhadap BLR masing-masing sebanyak 30 mata asas. Sementara itu, kadar pinjaman purata berwajaran bagi pinjaman terkumpul turut meningkat kepada 5.71% pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mac: 5.64%). Kos peminjaman kepada sektor perniagaan dan isi rumah kekal di bawah paras sebelum krisis.

Niaga Hadapan 3 Bulan KLIBOR Bursa Malaysia (FKB3)



Sumber: Bloomberg dan Bursa Malaysia

Kadar Pinjaman Bank Perdagangan (Purata bagi tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Mudah tunai lebih tinggi dalam sektor swasta dan sistem perbankan

Mudah tunai sektor swasta, seperti yang diukur oleh wang secara luas atau M3, berkembang pada kadar tahunan yang lebih tinggi sebanyak 12.4% pada akhir bulan Jun 2011 (akhir bulan Mac: 8.0%). Pada asas suku tahunan, M3 bertambah sebanyak RM45 bilion, mencerminkan pemberian kredit yang lebih tinggi kepada sektor swasta oleh sistem perbankan dan aliran masuk bukan pemastautin yang meningkat. Kredit yang lebih tinggi disokong oleh peningkatan pinjaman sebanyak RM35.6 bilion, serta pemegangan sekuriti hutang swasta yang lebih tinggi oleh bank-bank. Mudah tunai mengembang berikutan aliran masuk bukan pemastautin tetapi sebahagiannya telah diimbangi oleh ambilan deposit oleh sektor swasta untuk membiayai pembelian Nota Monetari Bank Negara (Bank Negara Monetary Notes, BNMN). Hal ini dicerminkan oleh penyederhanaan dalam kategori *pengaruh lain*. Pembayaran balik hutang oleh Kerajaan turut membantu mengimbangi pengembangan wang secara luas.

Mudah tunai dalam sistem perbankan juga meningkat pada suku kedua, disebabkan terutamanya oleh aliran masuk bukan pemastautin yang lebih tinggi terutamanya pada bulan April 2011. Walau bagaimanapun, aliran masuk ini telah disterilisasikan oleh Bank Negara Malaysia melalui pelbagai instrumen bagi mengelakkan pengembangan keadaan monetari yang keterlaluan. Instrumen yang digunakan termasuk nisbah Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR) yang dinaikkan sebanyak 100 mata asas pada bulan Mei, dan 100 mata asas lagi

kepada 4% pada bulan Julai 2011. Keputusan untuk menaikkan SRR diambil sebagai langkah untuk menguruskan peningkatan mudah tunai yang ketara, yang mungkin menyebabkan keadaan kewangan yang tidak seimbang dan mewujudkan risiko ketidakstabilan kewangan.

Penentu Wang Secara Luas, M3

	Perubahan pada tempoh				
	2010		2011		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	RM bilion				
M3	**-0.4**	**14.2**	**28.0**	**45.0**	**73.0**
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	-5.1	-7.4	-3.7	-11.5	-15.2
Tuntutan terhadap sektor swasta	16.6	33.2	22.8	41.2	63.9
Pinjaman	*26.4*	*46.2*	*26.5*	*29.3*	*55.8*
Sekuriti	*-9.9*	*-12.9*	*-3.7*	*11.9*	*8.2*
Aset asing bersih[1]	18.3	29.9	25.1	69.0	94.1
BNM	*6.4*	*7.7*	*15.7*	*61.7*	*77.4*
Sistem Perbankan	*11.8*	*22.2*	*9.3*	*7.3*	*16.7*
Pengaruh lain	*-30.1*	*-41.5*	-16.1	-53.7	-69.8

[1] Sebelum penilaian semula

Sumber: Bank Negara Malaysia

Agregat Monetari



Sumber: Bank Negara Malaysia

Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia (Pada akhir tempoh, RM bilion)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Aktiviti pembiayaan sektor swasta semakin kukuh pada suku kedua

Keadaan pembiayaan pada suku kedua terus menyokong aktiviti ekonomi, dengan pembiayaan terus tersedia untuk semua segmen ekonomi. Jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal meningkat kepada RM225.6 bilion (S1 11: RM202 bilion). Pembiayaan yang lebih tinggi ini mencerminkan peningkatan pengeluaran pinjaman bank dan terbitan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) pada suku kedua. Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul meningkat pada kadar tahunan 12.9% pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mac: 12.1%).

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pemberian Pinjaman Bank kepada PKS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal

	Pada tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
	2010		2011			2010		2011		
	S1	ST1	S1	S2	ST1	S2	ST1	S1	S2	ST1
Jumlah pembiayaan kasar	**203.4**	**393.2**	**202.0**	**225.6**	**427.5**	**10.6**	**15.2**	**6.4**	**10.9**	**8.7**
Pengeluaran pinjaman	185.3	359.6	188.6	200.8	389.5	20.0	18.8	8.2	8.4	8.3
PDS kasar (tidak termasuk Cagamas)	13.9	18.3	12.2	20.9	33.1	-23.0	-32.3	174.8	50.6	80.7
Ekuiti	4.2	15.3	1.1	3.8	4.9	-63.2	31.0	-89.9	-9.7	-67.6
Jumlah pembiayaan bersih (A)+(B)	**38.5**	**57.2**	**33.4**	**52.2**	**85.5**	**11.1**	**11.1**	**12.1**	**12.9**	**12.9**
Sistem perbankan	29.3	48.6	25.9	42.3	68.2	11.3	11.3	12.4	13.5	13.5
Baki pinjaman (A)	*29.2*	*51.4*	*28.8*	*35.6*	*64.4*	*12.4*	*12.4*	*13.2*	*13.5*	*13.5*
Pemegangan PDS	*0.1*	*-2.9*	*-2.8*	*6.7*	*3.9*	*-2.9*	*-2.9*	*2.1*	*13.4*	*13.4*
PDS terkumpul (B)	9.2	5.7	4.6	16.6	21.2	7.4	7.4	8.9	11.2	11.2
Memoranda										
PDS kasar (termasuk Cagamas)	14.7	19.4	12.2	20.9	33.1	-23.9	-32.2	161.3	42.0	70.8

Sumber: Bank Negara Malaysia

Penunjuk pinjaman utama kekal teguh pada suku kedua. Dalam sektor perniagaan, pertambahan permintaan terhadap pembiayaan baharu adalah terutamanya daripada sektor *harta tanah; pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi; perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel,* dan *pembinaan*. Sebahagian besar permohonan pinjaman adalah untuk membiayai keperluan modal kerja. Pengeluaran pinjaman adalah

Penunjuk Pinjaman

	Pada tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
	2010		2011			2010		2011		
	S2	ST1	S1	S2	ST1	S2	ST1	S1	S2	ST1
Jumlah										
Permohonan pinjaman	158.7	291.5	168.5	199.2	367.6	15.8	19.2	26.8	25.5	26.1
Kelulusan pinjaman	90.4	160.5	87.6	109.7	197.3	19.2	19.9	25.0	21.4	23.0
Pengeluaran pinjaman	185.3	359.6	188.6	200.8	389.5	20.0	18.8	8.2	8.4	8.3
Bayaran balik pinjaman	161.8	316.3	168.1	173.8	341.9	8.7	10.2	8.8	7.4	8.1
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	29.2	51.4	28.8	35.6	64.4	12.4	12.4	13.2	13.5	13.5
Antaranya:										
Perusahaan perniagaan**										
Permohonan pinjaman	71.6	131.6	79.6	96.6	176.1	11.4	13.1	32.6	34.8	33.8
Kelulusan pinjaman	42.9	72.2	38.9	55.4	94.3	23.0	18.3	32.8	29.2	30.7
Pengeluaran pinjaman	125.0	242.1	122.1	134.8	256.8	21.3	18.8	4.2	7.8	6.1
Bayaran balik pinjaman	111.3	216.5	109.8	116.9	226.7	8.3	10.3	4.3	5.0	4.7
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	7.1	13.1	11.3	11.6	22.9	8.2	8.2	10.9	12.1	12.1
PKS**										
Permohonan pinjaman	34.3	62.2	37.7	44.7	82.4	30.9	34.1	35.0	30.6	32.6
Kelulusan pinjaman	15.9	28.7	16.4	19.2	35.6	39.9	42.4	27.3	20.9	23.8
Pengeluaran pinjaman	36.6	72.1	41.6	42.7	84.4	5.9	4.1	17.3	16.6	17.0
Bayaran balik pinjaman	32.4	65.8	37.2	36.6	73.9	0.8	2.2	11.4	13.1	12.2
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	-6.7	-3.3	3.4	7.5	10.9	3.0	3.0	2.4	14.1	14.1
Syarikat besar										
Permohonan pinjaman	37.4	69.4	41.9	51.8	93.7	-2.0	-0.7	30.5	38.8	34.9
Kelulusan pinjaman	27.0	43.4	22.4	36.3	58.7	14.8	6.4	37.1	34.1	35.2
Pengeluaran pinjaman	88.3	170.0	80.4	92.0	172.5	29.1	26.3	-1.5	4.2	1.4
Bayaran balik pinjaman	78.9	150.7	72.6	80.2	152.8	11.7	14.2	1.1	1.7	1.4
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	13.8	16.4	7.9	4.1	12.0	11.8	11.8	17.0	10.8	10.8
Isi rumah										
Permohonan pinjaman	87.1	159.9	88.9	102.6	191.5	19.6	24.7	22.0	17.8	19.8
Kelulusan pinjaman	47.5	88.3	48.8	54.3	103.0	16.0	21.2	19.4	14.3	16.7
Pengeluaran pinjaman	60.3	117.5	66.6	66.1	132.7	17.4	18.9	16.4	9.6	12.9
Bayaran balik pinjaman	50.5	99.7	58.3	57.0	115.3	9.6	10.1	18.4	12.8	15.6
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	15.1	29.0	14.8	15.4	30.1	12.9	12.9	13.2	12.8	12.8

* Pertumbuhan tahunan adalah untuk akhir tempoh.
**Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pinjaman Mengikut Sektor

	Pengeluaran pinjaman						Baki pinjaman
	Pada tempoh					Bahagian drpd. jumlah	Bahagian drpd. jumlah
	S2 10	ST1 10	S1 11	S2 11	ST1 11	S2 11	
	(RM bilion)					(%)	
Perusahaan perniagaan	**125.0**	**242.1**	**122.1**	**134.8**	**256.8**	**67.1**	**45.2**
Syarikat besar	*86.3*	*170.0*	*80.4*	*92.0*	*172.5*	*45.8*	*30.5*
*PKS**	*36.6*	*72.1*	*41.6*	*42.7*	*84.4*	*21.3*	*14.7*
Sektor terpilih							
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	5.4	14.6	5.6	5.9	11.5	2.9	2.2
Perlombongan dan kuari	0.6	1.4	1.1	1.1	2.2	0.6	0.4
Perkilangan	37.6	71.0	41.2	42.0	83.3	20.9	9.5
Pembinaan	10.5	19.6	10.3	10.1	20.3	5.0	4.1
Harta tanah	4.1	9.3	6.4	8.5	14.9	4.2	4.6
Bekalan elektrik, gas dan air	1.0	1.8	1.5	1.2	2.7	0.6	1.2
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	33.2	61.3	30.8	33.8	64.5	16.8	7.3
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	5.9	11.2	4.4	4.3	8.7	2.1	2.9
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	15.1	28.6	14.9	18.7	33.6	9.3	7.6
Isi rumah	**60.3**	**117.5**	**66.6**	**66.1**	**132.7**	**32.9**	**54.8**
Pembelian harta kediaman	14.1	29.0	15.0	15.7	30.7	7.8	25.3
Kredit penggunaan	37.9	71.4	40.1	40.9	81.0	20.3	20.1
Antaranya:							
Kad kredit	*20.1*	*38.5*	*23.3*	*24.2*	47.4	12.0	3.2
Pembelian kereta penumpang	*9.8*	*18.6*	*8.9*	*8.6*	*17.5*	*4.3*	*12.0*
Lain-lain	8.2	17.1	11.4	9.5	*21.0*	*4.7*	*9.5*
Jumlah	**185.3**	**359.6**	**188.6**	**200.8**	**389.5**	**100.0**	**100.0**

* Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu

Sumber: Bank Negara Malaysia

lebih tinggi, menyokong peningkatan jumlah pinjaman perniagaan terkumpul kepada RM11.6 bilion (S1 11: +RM11.3 bilion). Pada asas tahunan, pinjaman perniagaan terkumpul meningkat pada kadar lebih tinggi sebanyak 12.1% pada akhir bulan Jun (S1 11: 10.9%). Peningkatan pinjaman perniagaan terkumpul adalah menyeluruh dalam semua sektor ekonomi.

Pembiayaan kepada sektor isi rumah juga meningkat. Permintaan lebih tinggi untuk pinjaman adalah terutamanya untuk *pembelian harta tanah kediaman dan bukan kediaman,* dan *kegunaan peribadi.* Oleh itu, pinjaman isi rumah terkumpul berkembang sebanyak RM15.4 bilion pada suku kedua dan meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan 12.8% pada akhir bulan Jun (S1 11: 13.2%).

Aktiviti pemerolehan dana dalam pasaran modal dipacu oleh sektor swasta

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal pada suku kedua berjumlah RM20.8 bilion (S1 11: RM29.7 bilion). 83% daripada jumlah ini atau RM17.3 bilion diperoleh sektor swasta. Sama seperti suku sebelumnya, sebahagian besar dana diperoleh melalui sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS). Terbitan PDS baharu meningkat kepada RM20.9 bilion (S1 11: RM12.2 bilion) yang kebanyakannya digunakan untuk *aktiviti baharu* dan untuk *modal kerja dan tujuan korporat am*. Dana yang diperoleh daripada pasaran ekuiti meningkat kepada RM3.8 bilion. Sebahagian besar dana diperoleh melalui tawaran awam awal (RM2.9 bilion), manakala bakinya diperoleh melalui terbitan hak.

Dalam sektor awam, dana kasar sebanyak RM26.7 bilion diperoleh melalui terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) 15 tahun dan 20 tahun, Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issues, GII) 10 tahun, serta pembukaan semula MGS 7 tahun dan 10 tahun, dan GII 5.5 tahun. Selepas membuat pelarasan bagi penebusan, dana bersih yang diperoleh sektor awam pada suku kedua (termasuk Bon Simpanan Merdeka) berjumlah RM3.5 bilion.

Dana Bersih yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	2010		2011		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	RM bilion				
Oleh Sektor Awam	**5.5**	**21.0**	**24.6**	**3.5**	**28.1**
Sekuriti kerajaan, *bersih*	3.2	18.8	24.6	5.0	29.6
Sekuriti Kerajaan Malaysia	*8.6*	*21.1*	*15.1*	*16.7*	*31.8*
Terbitan Pelaburan Kerajaan	*5.5*	*12.0*	*9.5*	*10.0*	*19.5*
Tolak: Penebusan	*10.9*	*14.4*	-	*21.8*	21.8
Bon Khazanah, *bersih*	-	-	-	-	-
Bon Simpanan, *bersih*	2.3	2.3	(0.1)	(1.4)	(1.5)
Oleh Sektor Swasta	**12.0**	**19.1**	**5.1**	**17.3**	**22.5**
Saham	4.2	15.3	1.1	3.8	4.9
Sekuriti hutang, *bersih*	7.8	3.9	4.0	13.5	17.5
Sekuriti Hutang Swasta	*14.7*	*19.4*	*12.2*	*20.9*	*33.1*
Tolak: Penebusan	*6.9*	*15.5*	*8.2*	*7.4*	*15.6*
Jumlah	**17.6**	**40.2**	**29.7**	**20.8**	**50.6**

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

Harga bon meningkat pada suku kedua

Kadar hasil MGS lebih rendah pada suku kedua. Kadar hasil pada awalnya mengalami tekanan menaik susulan kenaikan OPR sebanyak 25 mata asas. Walau bagaimanapun, tekanan ini kemudiannya diimbangi oleh permintaan yang berterusan daripada bukan pemastautin dan kebimbangan berhubung dengan pertumbuhan global yang kian perlahan. Penurunan adalah menyeluruh, dengan tanda aras MGS 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun masing-masing mencatat penurunan sebanyak 24, 15 dan 17 mata asas.

Dalam pasaran PDS, kadar hasil bagi kertas penarafan AAA dan AA 5 tahun sebahagian besarnya tidak berubah. Walau bagaimanapun, kadar hasil terbitan kertas penarafan A 5 tahun mencatat penurunan sebanyak 24.8 mata asas, mencerminkan keadaan kredit yang lebih baik dalam segmen pasaran PDS yang lebih rendah berikutan prospek ekonomi yang lebih menggalakkan.

Terbitan PDS Mengikut Tujuan (% daripada jumlah)



[1]Termasuk terbitan oleh bukan pemastautin dan Cagamas
*Termasuk modal kerja dan aktiviti perniagaan am

Sumber: Bank Negara Malaysia

Trend Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (5-tahun) dan kadar hasil sekuriti hutang swasta (5-tahun)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Urus niaga sekunder bertambah dalam pasaran bon

Jumlah urus niaga dalam pasaran sekunder meningkat kepada RM256 bilion pada suku kedua (S1 11: RM222 bilion). Peningkatan tertumpu terutamanya pada sekuriti Kerajaan, dengan segmen MGS dan segmen GII mencatat nisbah mudah tunai yang lebih tinggi, masing-masing pada 0.75 dan 0.37. Sementara itu, nisbah mudah tunai bagi segmen PDS pula menurun sedikit kepada 0.06.

Nisbah Mudah Tunai: Urus Niaga/Nilai Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

KLCI meningkat lebih cepat pada suku kedua

FBM KLCI meningkat 33.9 mata untuk ditutup pada suku kedua pada 1,579 mata (akhir bulan Mac: 1545.1 mata). Indeks meningkat 2.2% pada suku kedua (S1 2011: 1.7%) kerana pasaran didorong oleh tawaran awam awal (initial public offerings, IPO) 10 buah syarikat, yang mendapat permintaan yang menggalakkan daripada pelabur. Oleh itu, permodalan pasaran meningkat kepada RM1.342 trilion pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mac: RM1.31 trilion). Walau bagaimanapun, urus niaga purata harian menurun kepada 1.04 bilion unit (S1 11: 1.73 bilion unit). Pada 15 Ogos 2011, KLCI ditutup lebih rendah sedikit pada 1,499.7 mata (sejak akhir S2 2011: -5.0%), dengan permodalan pasaran sebanyak RM1.287 trilion (sejak akhir S2 2011: -4.1%).

Prestasi Pasaran Global dan Serantau Terpilih pada Tahun 2011 (% pertumbuhan suku tahunan)



Sumber: Bloomberg dan pengiraan Bank Negara Malaysia

Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih

	2010	2011	
	Pada akhir		
	Jun	Mac	Jun
Indeks harga			
Komposit	1,341.0	1,545.1	1,579.1
FBMEMAS[1]	8,863.4	10,612.5	10,842.3
FTSE Papan Kedua[2]	-	-	-
Pasaran ACE[3]	3,801.4	4,333.5	4,198.2
Permodalan pasaran (RM bilion)	1,044.4	1,311.0	1,342.2
Bilangan syarikat yang disenaraikan	962	954	953
	Pada tempoh suku		
	S2	S1	S2
Urus niaga harian purata			
Jumlah (juta unit)	849.1	1,730.1	1,038.8
Nilai (RM juta)	1,287.6	2,233.9	1,638.7

[1] FBMEMAS mewakili indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS
[2] Mulai 3 Ogos 2009, FTSE Papan Kedua telah digabungkan dengan Papan Utama dan dinamakan Pasaran Utama
[3] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran Mesdaq digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

Bursa Malaysia: Urus Niaga Pasaran

	2010				2011					
	S2		ST1		S1		S2		ST1	
	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion
Urus niaga	54.3	82.4	116.1	172.8	102.1	131.8	65.4	103.2	167.5	235.0
Antaranya:										
Papan Utama	45.3	80.2	97.7	168.3	84.1	128.4	49.5	100.0	133.6	228.4
Antaranya										
Produk Pengguna	3.1	3.9	5.9	7.6	4.0	5.4	4.0	5.0	8.1	10.4
Produk Industri	9.0	9.8	21.4	23.9	18.8	21.2	10.5	15.7	29.4	36.9
Pembinaan	3.0	5.0	6.1	9.9	4.6	9.0	2.8	5.9	7.4	14.9
Dagangan/Khidmat	13.9	28.9	30.0	57.7	33.5	46.2	17.2	36.5	50.6	82.6
Kewangan	4.4	18.7	8.6	39.5	4.4	24.6	4.7	20.9	9.1	45.5
Harta Benda	6.6	3.5	13.0	7.3	12.8	9.6	6.3	7.2	19.0	16.9
Perladangan	1.1	4.8	2.5	11.3	2.4	8.2	1.2	5.2	3.5	13.4
Infrastruktur	1.0	1.9	2.1	3.6	1.1	2.4	0.7	2.1	1.8	4.5
Papan Kedua[1]	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Mesdaq[2]	4.1	0.7	9.5	1.8	8.3	1.2	10.9	2.1	19.2	3.4

[1] Mulai 3 Ogos 2009, FTSE Papan Kedua telah digabungkan dengan Papan Utama dan dinamakan Pasaran Utama
[2] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran Mesdaq digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

Prestasi ringgit bercampur-campur berbanding mata wang utama

Trend ringgit yang menambah nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) pada suku pertama 2011 berterusan hingga permulaan suku kedua. Ini berikutan prospek pertumbuhan yang menggalakkan di Asia secara relatif dengan ekonomi maju, terus menarik pelabur ke arah pasaran kewangan serantau. Walau bagaimanapun, trend menaik ini menghadapi tekanan menurun menjelang akhir suku kedua. Trend ini serupa dengan trend kebanyakan mata wang serantau, mencerminkan kebimbangan terhadap krisis hutang kerajaan yang semakin buruk di zon euro dan ketidakpastian terhadap prospek ekonomi Amerika Syarikat. Bagi suku kedua secara keseluruhan, ringgit menambah nilai sedikit iaitu sebanyak 0.2% berbanding dengan dolar AS. Berbanding dengan mata utama lain, ringgit menambah nilai berbanding dengan paun sterling (0.1%), tetapi menyusut nilai berbanding euro (-2.4%) dan yen Jepun (-2.5%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit bertambah kukuh berbanding dengan baht Thailand (1.7%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan renminbi China (-1.2%), rupiah Indonesia

Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih, Peratus Perubahan (1 April - 30 Jun 2011)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Serantau



Sumber: Bank Negara Malaysia

(-1.2%), dolar Singapura (-2.4%) dan won Korea (-2.8%). Ringgit kekal tidak berubah berbanding dengan peso Filipina.

Pada tempoh antara 1 Julai hingga 15 Ogos 2011, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS (1.2%), euro (2.7%) dan paun sterling (0.1%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan yen Jepun (-3.4%). Berbanding dengan mata wang serantau, ringgit bertambah kukuh berbanding dengan won Korea (2.2%), rupiah Indonesia (0.6%) dan renminbi China (0.1%) tetapi menyusut nilai berbanding dengan dolar Singapura (-0.6), peso Filipina (-0.9%) dan baht Thailand (-1.5%).

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih

RM bagi satu unit mata wang asing	Pada akhir				% perubahan sejak*		
	21 Jul 05	S2 10	S1 11	S2 11	21 Jul 05	S2 10	S1 11
Dolar AS	3.8000	3.2575	3.0259	3.0205	25.8	7.8	0.2
Euro	4.6212	3.9785	4.2762	4.3820	5.5	-9.2	-2.4
Paun sterling	6.6270	4.9069	4.8687	4.8648	36.2	0.9	0.1
100 yen Jepun	3.3745	3.6787	3.6602	3.7538	-10.1	-2.0	-2.5
Dolar Singapura	2.2570	2.3242	2.3994	2.4577	-8.2	-5.4	-2.4
100 baht Thailand	9.0681	10.040	9.9947	9.8308	-7.8	2.1	1.7
100 peso Filipina	6.8131	7.0144	6.9637	6.9649	-2.2	0.7	0.0
100 rupiah Indonesia	0.0386	0.0359	0.0347	0.0352	9.9	2.1	-1.2
100 won Korea	0.3665	0.2655	0.2747	0.2826	29.7	-6.0	-2.8
Renminbi China	0.4591	0.4797	0.4617	0.4673	-1.7	2.7	-1.2

* (+) menunjukkan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai.

Sumber: Bank Negara Malaysia

MENGURUSKAN RISIKO TERHADAP KESTABILAN KEWANGAN

Kestabilan kewangan kekal utuh

Kestabilan sistem kewangan berterusan sepanjang suku kedua, disokong oleh sistem dan institusi kewangan yang teguh dan pasaran kewangan yang teratur, yang terus menyokong pengantaraan kewangan yang cekap dan keyakinan awam yang berterusan terhadap sistem kewangan.

Dedahan risiko kredit keseluruhan bagi sektor kewangan kekal terurus. Kedua-dua pinjaman terjejas dan tertunggak bertambah baik, masing-masing kepada 2.0% daripada pinjaman bersih (S1 11: 2.2%) dan 2.9% daripada pinjaman kasar (S1 11: 3.2%). Paras keberhutangan isi rumah meningkat 2.8% bagi suku kedua kepada 77.0% (S1 11: 76.5%). Jumlah pinjaman terjejas menurun kepada 2.0% daripada pinjaman isi rumah (S1 11: 2.2%). Semua kategori pinjaman isi rumah mempunyai paras jejas nilai yang rendah. Aset kewangan agregat isi rumah adalah lebih dua kali ganda saiz hutang isi rumah.

Pertumbuhan kredit dalam sektor perniagaan terus berkembang dalam keadaan pertumbuhan hasil yang stabil. Meskipun berhadapan dengan persekitaran operasi yang lebih mencabar ekoran harga komoditi dan tarif elektrik yang semakin tinggi, risiko pinjaman tertunggak (delinquency risk) seperti yang diukur oleh Kebarangkalian Jangkaan Mungkir tidak berubah pada 0.57%. Keupayaan khidmat bayar balik hutang oleh sektor perniagaan terus kukuh dengan paras jejas nilai bertambah baik kepada 4.6% (S1 11: 4.9%) daripada pinjaman perniagaan kasar dan nisbah pembayaran kepada pengeluaran kekal stabil pada 90%. Prospek risiko kredit bagi sektor perniagaan adalah neutral berikutan harga komoditi mungkin terus tinggi untuk tempoh yang berpanjangan.

Ketidakpastian yang berterusan berhubung dengan kedudukan fiskal dan kebimbangan terhadap hutang kerajaan di beberapa negara maju tidak memberikan kesan buruk terhadap pasaran kewangan domestik. Mudah tunai dagangan terus menggalakkan manakala turun naik harga aset tidak mengalami sebarang perubahan ketara. Turun naik dalam FBM KLCI meningkat sedikit dan berpurata pada 9.2% (S1 11: 8.8%). Pasaran kewangan domestik terus menerima aliran masuk pelaburan portfolio pada suku kedua. Meskipun alirannya besar, pasaran kewangan kekal teratur dan menunjukkan keupayaan untuk mengantarakan aliran kewangan dengan berkesan. Sementara itu, sehingga kini belum ada tanda-tanda perubahan yang nyata dalam amalan pengambilan risiko oleh institusi kewangan. Dedahan sistem perbankan terhadap risiko ekuiti kekal kecil pada 1.3% daripada modal asas pada akhir bulan Jun 2011 (S1 11: 1.3%) manakala dedahan sektor insurans dan takaful terhadap risiko ekuiti kekal pada 7.4% (S1 11: 7.3%) daripada modal asas.

Risiko kadar faedah kekal rendah pada 6.0% daripada modal asas (S1 11: 6.4%) bagi bank dan 3.3% (S1 11: 3.3%) bagi sektor insurans dan takaful.

Sektor kewangan kekal kukuh dan menyokong pengantaraan kewangan aktiviti ekonomi dalam negeri

Permodalan sistem perbankan domestik terus teguh dengan nisbah modal teras dan nisbah modal wajaran risiko masing-masing pada 12.3% dan 13.9%. Penampan kewangan kekal pada paras tinggi melebihi RM57 bilion bagi menyerap kerugian yang tidak dijangka disebabkan oleh sebarang kejutan dan pada masa yang sama memelihara keupayaan sistem perbankan untuk terus membiayai aktiviti ekonomi. Kualiti modal terus disokong oleh bahagian modal Kumpulan 1 yang tinggi dengan ekuiti biasa dan rizab terus mencakupi sebahagian besar dana modal sektor perbankan. Bagi sektor insurans dan takaful pula, kedudukan modal kekal kukuh dengan nisbah kecukupan modal pada 224.1% dan lebihan modal sebanyak RM19.5 bilion.

Sektor perbankan mencatat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM6.6 bilion (S1 11: RM6.9 bilion) disebabkan oleh pembiayaan dan pendapatan faedah bersih yang lebih tinggi. Pulangan atas aset dan ekuiti masing-masing pada 1.7% dan 18.2%. Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan bagi insurans hayat dan takaful keluarga adalah lebih tinggi sebanyak RM3.8 bilion (S1 11: RM3.2 bilion) didorong oleh premium bersih dan pendapatan pelaburan yang lebih tinggi. Permintaan bagi produk berkaitan pelaburan terus berkembang seiring dengan keadaan pasaran kewangan yang menggalakkan. Penanggung insurans am dan pengendali takaful am juga mencatat keuntungan kendalian yang lebih tinggi (S2 11: RM603.8 juta, S1 11: RM526.5 juta) disumbangkan oleh pendapatan pelaburan yang lebih tinggi (+24.5%) iaitu sebanyak RM248.6 juta (S1 11: RM199.6 juta).

Sistem Perbankan: Permodalan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sistem Perbankan: Kualiti Pinjaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sistem Perbankan: Keuntungan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sektor Insurans: Nisbah Kecukupan Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

Mudah tunai kekal lebih daripada mencukupi untuk memenuhi keperluan pengeluaran deposit dan kewajipan mudah tunai lain. Penampan mudah tunai sistem perbankan secara keseluruhan kekal pada tahap yang memuaskan dan jauh melebihi keperluan kawal selia. Nisbah pinjaman kepada deposit hampir tidak berubah pada 81.8% (S1 11: 82%).

Sistem Perbankan: Nisbah Penampan Mudah Tunai kepada Jumlah Deposit



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sektor Insurans dan Takaful: Penunjuk

	2010		2011		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
		RM juta			
Insurans hayat & takaful keluarga					
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	2,922.9	5,881.4	3,226.5	3,763.3	6,989.8
Insurans am & takaful am					
Keuntungan kendalian	574.9	1,099.8	526.5	603.8	1,130.3
Nisbah tuntutan (%)	62.1	62.1	61.4	62.7	62.7

Sumber: Bank Negara Malaysia

Sidang Kemuncak ke-8 Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam: Sesi Panel 2 – "Kestabilan Kewangan: Kerjasama Serantau dan Global" Luxembourg, 12 Mei 2011

Ucapan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Krisis kewangan global yang berlaku kini telah menjangkau lebih daripada tiga tahun. Namun, kesannya terus dirasai di seluruh dunia. Usaha yang diambil untuk mengembalikan semula ekonomi global pada kadar pertumbuhan yang mampan telah menghadapi pelbagai risiko dan ketidaktentuan yang terus melanda kebanyakan negara di dunia. Yang paling ketara, krisis ini telah memperlihatkan tahap saling bergantung ekonomi antarabangsa yang lebih tinggi ekoran peningkatan integrasi kewangan dan ekonomi pada peringkat antarabangsa. Lantaran itu, kestabilan kewangan global telah menjadi satu tanggungjawab bersama. Dalam sistem kewangan yang semakin saling berhubung kait dan kesalinghubungan ekonomi yang lebih kukuh, cabaran yang besar untuk memastikan sistem kewangan berfungsi dengan berkesan dan cekap, dan kestabilan kewangan menuntut pelaksanaan tindakan bersama dan kerjasama antarabangsa pada tahap yang belum pernah dilakukan sebelum ini.

Saya amat berbesar hati berada di Luxembourg pada hari ini sempena Sidang Kemuncak IFSB ke-8 mengenai 'Mempertingkatkan Kestabilan Kewangan Global: Cabaran dan Peluang untuk Kewangan Islam'. Saya berbesar hati untuk berucap mengenai skop bagi kerjasama antarabangsa dan kerjasama dalam kewangan Islam dalam usaha kita secara kolektif untuk memelihara kestabilan kewangan.

Pengantarabangsaan kewangan Islam dan peningkatan peranannya dalam sistem kewangan antarabangsa

Sejak bermulanya alaf ini, pengantarabangsaan kewangan Islam telah menjadi semakin pantas. Pengantarabangsaan ini dapat dilihat dengan bertambahnya penyertaan institusi kewangan Islam di kawasan yang baharu, penyertaan antarabangsa yang meningkat dalam pasaran kewangan Islam dan peningkatan aliran modal merentas sempadan yang berlandaskan Syariah. Hari ini, terdapat lebih daripada 600 institusi kewangan Islam yang beroperasi di lebih daripada 75 buah negara. Pasaran sukuk khususnya telah berkembang menjadi faktor penyumbang utama yang memacu pengantarabangsaan kewangan Islam. Pasaran sukuk telah menjadi saluran penting untuk aktiviti memperoleh dana dan pelaburan antarabangsa, sekali gus menjana aliran dana merentas sempadan yang besar. Aktiviti dalam pasaran sukuk juga memperoleh momentum berikutan kembalinya keyakinan pelabur seperti yang dicerminkan oleh prestasi kukuh pasaran kewangan pada tahun 2010. Kewangan Islam telah menjadi segmen yang paling pesat berkembang dalam sistem kewangan antarabangsa. Melangkah ke hadapan, dimensi antarabangsa kewangan Islam akan menjadi lebih terserlah dalam era pascakrisis ini.

Dengan proses globalisasi ini menjadi semakin pesat, kita perlu mengambil iktibar daripada pengajaran penting krisis kewangan global baru-baru ini untuk memastikan kualiti dan kekukuhan proses integrasi kewangan. Meskipun pengantarabangsaan kewangan Islam yang semakin pesat pada dasarnya mencerminkan keupayaannya untuk bersaing dan memenuhi tuntutan perniagaan yang berubah-ubah, daya tahannya merupakan faktor penting untuk menyokong trend ini. Daya tahan ini pada dasarnya disokong oleh dua kekuatan dalaman yang ada pada kewangan Islam. Pertama, kekuatan ini adalah hasil daripada penekanan pada hubungan yang rapat antara urus niaga kewangan Islam dengan aktiviti ekonomi dan adanya mekanisme sekatan dan imbangan dalaman yang menjadikan kewangan Islam satu bentuk pengantaraan yang stabil.

Kedua ialah inisiatif yang telah diambil untuk mengukuhkan infrastruktur kewangan Islam antarabangsa bagi menggalakkan pembangunan kewangan Islam yang kukuh dan teratur. Yang penting, inisiatif ini diambil ketika institusi kewangan Islam dan pasaran kewangan Islam secara relatifnya masih berada pada peringkat permulaan pembangunan.

Melalui pengantarabangsaannya, kewangan Islam akan menyumbang kepada penggemblengan dan pengagihan dana yang lebih cekap di seluruh rantau. Trend ini juga akan mengukuhkan kesalinghubungan kewangan dan ekonomi antarabangsa antara negara, yang akan saling memberikan manfaat bersama. Trend ini juga mempengaruhi corak integrasi kewangan dan ekonomi global, khususnya untuk membantu pemulihan integrasi kewangan dan ekonomi antara Asia dengan Timur Tengah dan antara ekonomi sedang pesat membangun dengan pasaran kewangan yang lebih maju, dan dengan itu menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi global yang lebih seimbang.

Inisiatif untuk mengukuhkan rangka kerja kestabilan kewangan merentas sempadan

Dengan kewangan Islam semakin berkembang melangkaui sempadan, **pembangunan rangka kerja bagi kestabilan kewangan merentas sempadan** adalah diperlukan bagi mengukuhkan lagi daya tahan sistem kewangan Islam dan untuk menangani cabaran merentas sempadan secara bersepadu. Dalam dekad mutakhir ini, kerjasama antarabangsa seumpama itu dan kerjasama bagi memelihara kestabilan kewangan dalam sistem kewangan Islam antarabangsa telah ditingkatkan ke suatu tahap yang baharu. Ini adalah untuk memastikan perkembangannya yang teratur sebagai satu komponen penting dalam sistem kewangan antarabangsa.

Pengukuhan infrastruktur kewangan antarabangsa

Fokus kerjasama amat penting terutamanya dalam membangunkan infrastruktur kewangan antarabangsa yang berkaitan dengan kestabilan kewangan. Satu perkembangan utama sejak penubuhan Pertubuhan Perakaunan dan Pengauditan bagi Institusi Kewangan Islam (Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions, AAOIFI) pada tahun 1990 ialah penubuhan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (Islamic Financial Services Board, IFSB) sebagai badan penetapan piawaian berhemat antarabangsa untuk industri perkhidmatan kewangan Islam pada tahun 2002. Matlamat penting untuk mengukuhkan asas-asas sistem kewangan Islam global telah dipertingkatkan baru-baru ini berikutan krisis kewangan global, melalui usaha Pasukan Petugas Kewangan Islam dan Kestabilan Kewangan Global IFSB-IDB. Dalam laporannya yang dikeluarkan pada tahun 2010, lapan infrastruktur kewangan telah dikenal pasti bagi menangani potensi risiko dan ancaman terhadap sistem Islam dalam persekitaran kewangan antarabangsa yang lebih mencabar pada hari ini. Ini termasuk langkah-langkah yang perlu diambil untuk pelaksanaan piawaian kehematan; pembangunan infrastruktur pengurusan mudah tunai; pengenalan jaringan keselamatan kewangan yang kukuh; pembangunan rangka kerja pengurusan krisis dan penyelesaian yang berkesan, pembangunan dan pelaksanaan perakaunan, piawaian pengauditan dan penzahiran; penggubalan rangka kerja kehematan makro yang berkesan; pembangunan institusi penarafan kredit dan proses yang wajar; dan akhirnya, untuk mengukuhkan usaha-usaha bagi membina kapasiti dan pembangunan tenaga mahir industri perkhidmatan kewangan Islam. Memandangkan dimensi infrastruktur pembangunan ini bersifat global, kerjasama antarabangsa menjadi amat signifikan untuk meneruskan agenda penting ini.

Pengharmonian pengawalseliaan

Mendapat kerjasama antarabangsa pada tahap yang tertinggi adalah amat penting terutamanya dalam pelaksanaan piawaian kehematan yang seragam untuk memelihara kestabilan sistem kewangan Islam. Ini akan menyumbang ke arah pengharmonian rangka kerja pengawalan dan penyeliaan dalam sistem kewangan Islam merentas sempadan. Yang penting ialah pelaksanaan piawaian antarabangsa dan amalan

terbaik yang mengambil kira ciri-ciri kewangan Islam yang unik. Pengawalan kehematan sedemikian yang mengambil kira pelbagai risiko yang berkaitan dengan perniagaan kewangan berlandaskan Syariah akan meningkatkan keberkesanan hasil pengawalseliaan yang disasarkan untuk kewangan Islam.

Banyak kemajuan telah dicapai oleh IFSB dalam menyebarluaskan piawaian kehematan yang komprehensif bagi industri perkhidmatan kewangan Islam sejak penubuhannya pada tahun 2002. IFSB telah memperkenalkan piawaian bagi kecukupan modal, pengurusan risiko, tadbir urus korporat dan tadbir urus Syariah. Usaha penting ini signifikan dalam menggalakkan keseragaman antarabangsa bagi rangka kerja pengawalseliaan dan amalan terbaik antarabangsa untuk sistem kewangan Islam dalam negara yang berbeza. Kemajuan yang ketara ini adalah hasil daripada kerjasama antarabangsa yang kukuh dan sokongan secara kolektif dari negara anggota dan institusi global. Sesungguhnya, sebagai industri global yang sedang berkembang pada pelbagai peringkat pembangunan merentas sempadan dalam pelbagai struktur perniagaan dan model operasi yang digunakan dalam pasaran yang berbeza, jalinan kerjasama yang rapat ini juga telah membolehkan pandangan yang seimbang dapat dicapai.

Meskipun kewangan Islam telah memperlihatkan daya tahannya semasa krisis baru-baru ini, IFSB telah mengambil langkah yang cepat untuk mengkaji semula piawaian modal yang sedia ada untuk tujuan penambahbaikan, dan memasukkan langkah-langkah mudah tunai yang baharu dalam usahanya yang berterusan untuk membangunkan piawaian mudah tunai bagi perbankan Islam. Usaha-usaha ini sedang dilaksanakan melalui Kumpulan Kerja Piawaian Kecukupan Modal dan Pengurusan Risiko Mudah Tunai. Matlamat keseluruhan adalah untuk memastikan bahawa ciri-ciri penting kewangan Islam ditangani dengan berkesan dan sewajarnya di samping mengambil kira isu-isu yang timbul daripada krisis dalam sistem kewangan konvensional.

Peringkat seterusnya ialah **pelaksanaan piawaian ini di pelbagai negara**, yang sama pentingnya seperti membangunkan piawaian itu sendiri. Ini merupakan satu bidang yang amat penting dari segi kerjasama global dan tindakan bersama untuk memastikan pelaksanaan rangka kerja pengawalseliaan yang konsisten. Pemakaian sepenuhnya piawaian IFSB akan menutup peluang untuk arbitraj pengawalseliaan, khususnya, arbitraj pengawalseliaan yang disebabkan oleh perbezaan merentas sektor, perbezaan merentas sempadan dan perbezaan antara kewangan konvensional dengan Islam. Pelaksanaan piawaian ini dengan lebih konsisten juga akan memastikan lebih kepastian dalam olahan pengawalseliaan bagi urus niaga kewangan Islam, yang sekali gus membolehkan kebolehbandingan antara institusi serta pengawasan oleh pihak berkuasa pengawalseliaan. Pengharmonian ini bukan sahaja akan menyumbang ke arah kestabilan kewangan global, tetapi juga akan menggalakkan lebih ketelusan merentas sempadan.

Penerapan dan penguatkuasaan piawaian kehematan antarabangsa yang disebarluaskan oleh IFSB akan menyumbang ke arah pencapaian matlamat ini. Program kerjasama teknikal boleh dibangunkan dan dirangka bagi pelaksanaan piawaian IFSB baik “ex-ante” maupun “ex-post”. Dalam tempoh sebelum pelaksanaan, program teknikal berstruktur boleh disesuaikan mengikut keperluan sesebuah negara untuk meningkatkan ketersediaan negara-negara dalam penggunaan piawaian itu jika diperlukan. Begitu juga dalam tempoh selepas pelaksanaan, satu rangka kerja bagi penilaian kendiri boleh dibangunkan untuk menilai keberkesanan negara-negara dalam melaksanakan piawaian IFSB. Perkembangan ini akan membolehkan piawaian dan peraturan IFSB diterima pakai untuk dipatuhi dan dilaksanakan merentas negara, selaras dengan prinsip-prinsip teras dan piawaian Jawatankuasa Basel, IAIS dan IOSCO dalam konteks Program Penilaian untuk Sektor Kewangan IMF-Bank Dunia. Ini seterusnya akan menyumbang ke arah usaha-usaha untuk mencapai kestabilan kewangan global dalam sistem kewangan antarabangsa.

Kerjasama penyeliaan merentas sempadan

Pengantarabangsaan kewangan Islam yang semakin meluas sebahagian besarnya dipacu oleh peluasan operasi institusi kewangan

Islam yang menjangkau sempadan domestik mereka, didorong oleh pencarian peluang-peluang pertumbuhan yang baharu. Di samping kesalinghubungan pasaran kewangan Islam yang meningkat, trend ini juga menuntut kerjasama yang lebih baik antara penyelia untuk memastikan kestabilan kewangan dalam sistem kewangan Islam. Krisis kewangan global baru-baru ini sebenarnya telah menguji kekuatan kerjasama penyeliaan merentas sempadan. Penyelia, yang menghadapi cabaran maklumat tak simetri yang sebahagiannya disebabkan oleh kekurangan pengaturan untuk kerjasama, berdepan dengan tugas yang mencabar untuk memahami sejauh mana risiko sistemik dan penularannya merentas sempadan.

Dalam dunia kewangan Islam yang pesat berubah, penyelia juga berdepan dengan tugas yang lebih mencabar, iaitu untuk sentiasa mengikuti perkembangan tahap inovasi, dengan mengambil kira keunikan kontrak kewangan Islam selain skop perniagaan perbankan Islam yang universal. Ini mewajarkan penyelia untuk mengiktiraf pelbagai aspek pengurusan risiko dalam kewangan Islam. Institusi kewangan Islam di kebanyakan negara telah berkembang dalam lingkungan sistem konvensional dan telah biasa dengan amalan perniagaan dalam negara masing-masing. Ini boleh menyebabkan aktiviti perniagaan dan pengambilan risiko yang nyata berbeza. Oleh itu, kerjasama antara pihak berkuasa penyeliaan institusi kewangan Islam yang aktif pada peringkat antarabangsa perlu untuk menjadikannya sebahagian daripada keseluruhan rangka kerja pengawalseliaan.

Usaha-usaha ini memerlukan **jalinan kerjasama yang tetap antara penyelia negara asal dengan tuan rumah** untuk memastikan kesejajaran dalam pengawasan penyeliaan. Usaha ini akan membolehkan penilaian risiko dan kelemahan bagi perniagaan kewangan Islam yang beroperasi merentas sempadan dibuat dengan lebih menyeluruh. Perkongsian maklumat pengawasan yang berkesan dan penilaian mengenai isu-isu penyeliaan yang lain terhadap institusi kewangan Islam sudah pun dilaksanakan melalui kerjasama dua hala antara pihak berkuasa pengawalseliaan dengan pengaturan lain yang tidak formal. Melangkah ke hadapan, rangka kerja kerjasama yang lebih tersusun antara penyelia diperlukan untuk meningkatkan kecekapan maklumat penyeliaan. Ini akhirnya akan menyumbang kepada penilaian yang berkesan dan pengesanan awal sebarang penyebaran risiko merentas sempadan daripada aktiviti seluruh kumpulan. Perkongsian maklumat antara negara asal dengan tuan rumah boleh dikendalikan dengan melaksanakan pendekatan penyeliaan dengan mempertemukan penyelia-penyelia di suatu tempat sebagai mekanisme yang diinstitusikan untuk kerjasama yang lebih meluas.

Krisis kewangan baru-baru ini turut mendedahkan kegagalan untuk memahami hubung kait antara sektor kewangan dengan sektor yang lebih luas, terutamanya dalam memahami potensi kesan limpahan dan pusingan kedua yang disebarkan antara sektor. Usaha pengawalseliaan pascakrisis tertumpu pada langkah-langkah kehematan makro untuk melengkapi pengawasan dan penyeliaan mikro. Usaha ini memerlukan penilaian risiko mendatar bagi risiko merentas institusi, sektor dan sempadan negara, serta risiko dalam pasaran-pasaran aset merentas masa. Hal ini khususnya relevan untuk sektor perkhidmatan kewangan Islam. Memandangkan **hubungan rapat kewangan Islam dengan sektor ekonomi sebenar** melalui pelbagai kontrak pembiayaan Islam, pemahaman sepenuhnya terhadap keseluruhan spektrum risiko sering menghadapi banyak kesukaran. Oleh itu, penting bagi pengawal selia untuk turut mewujudkan **satu rangka kerja pengawasan makro yang bersepadu bagi aktiviti kewangan Islam** merentas negara. Pangkalan data global untuk statistik kehematan kewangan Islam yang akan dimulakan oleh IFSB perlu menjangkau lebih jauh dan bukan sahaja memastikan pengumpulan data yang seragam antara negara, malah bagi membolehkan pengumpulan pelbagai penunjuk makro dan kewangan, dan perkongsian global bagi amalan terbaik dalam pengawasan makro. Jalinan kerjasama antara penyelia juga akan menyumbang ke arah pemahaman risiko sistemik serta punca-puncanya dan akan menyokong penyelenggaraan data ekonomi dan kewangan yang betul dan tepat pada masanya. Ini seterusnya akan menyumbang

ke arah pengawalseliaan dan pengurusan isu-isu kestabilan kewangan yang lebih berkesan.

Sesungguhnya, pembangunan **mekanisme pengawasan yang bersepadu, pengenalpastian dan pencegahan risiko yang sedang muncul** dalam sistem kewangan Islam, serta penubuhan **rangka kerja pengurusan dan penyelesaian krisis bersepadu** adalah penting untuk mengekalkan kestabilan kewangan dalam sistem kewangan Islam global. Semua ini akan membolehkan tindak balas yang komprehensif dan segera terhadap tekanan kewangan, dan sekali gus meningkatkan prospek bagi pemulihan awal. Ini merupakan faktor asas penubuhan Forum Kestabilan Kewangan Islam (Islamic Financial Stability Forum, IFSF) pada tahun 2010, sebagai satu platform untuk meningkatkan kerjasama yang lebih erat antara pihak berkuasa pengawalseliaan. Lebih khusus lagi, IFSF mendapat mandat bagi menggalakkan dialog antarabangsa, jalinan hubungan dan kerjasama dalam bidang kestabilan kewangan. IFSF juga bertujuan untuk meluaskan pemahaman mengenai kesan luaran akibat tindakan atau tiada tindakan dasar di sesebuah negara terhadap sistem kewangan negara lain, dan dalam menimbangkan merit untuk tindakan secara kolektif. Meskipun kerjasama antarabangsa yang berkesan memerlukan satu rangka kerja untuk komitmen bersama, namun yang penting dalam proses ini adalah untuk mengiktiraf kuasa autonomi sesebuah negara memandangkan pengawalan dan campur tangan kewangan adalah tertakluk kepada keadaan sesebuah negara secara khusus. Pengaturan ini boleh menyumbang ke arah meningkatnya persefahaman dan mengelak kekurangan komitmen terhadap matlamat yang sama.

Kemajuan besar dalam kerjasama yang telah merintis jalan untuk membangunkan lagi infrastruktur kewangan antarabangsa lain yang penting ialah penubuhan Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa (International Islamic Liquidity Management Corporation, IILM) pada tahun 2010. Kerjasama antara 12 bank pusat dan dua institusi pembangunan pelbagai hala ini merupakan satu kejayaan besar yang menjadi mercu tanda dalam mengukuhkan pengaturan mudah tunai untuk sistem kewangan Islam antarabangsa. Infrastruktur mudah tunai ini adalah penting untuk sistem kewangan Islam berfungsi dengan baik dan cekap. Penubuhan IILM dengan mandat untuk menerbitkan instrumen mudah tunai yang berlandaskan Syariah merupakan satu langkah ke hadapan yang penting bagi menggalakkan pengurusan mudah tunai merentas sempadan yang lebih cekap oleh institusi kewangan Islam. IILM juga akan dilengkapkan dengan sewajarnya untuk bertindak sebagai satu platform jalinan kerjasama global mengenai pengurusan mudah tunai dalam sistem kewangan Islam dan untuk menangani isu-isu mudah tunai merentas sempadan yang sistemik.

Kesimpulan

Izinkan saya untuk mengakhiri ucapan ini. Dekad ini merupakan era penentu dalam evolusi kewangan Islam. Ia telah dicirikan oleh perkembangan yang pesat pada peringkat global dan pengantarabangsaan yang meningkat. Yang penting trend ini telah disokong oleh tindakan-tindakan penting yang diambil untuk mengukuhkan asas-asas sistem kewangan Islam antarabangsa yang merangkumi pembangunan dalam pengaturan keinstitusian dan mekanisme antarabangsa. Pencapaian yang besar ini ialah hasil kerjasama yang kukuh antara komuniti Perbankan Pusat dari negara-negara Islam dan bukan Islam.

Melangkah ke hadapan, kerjasama yang kukuh perlu diteruskan memandangkan sifat industri yang dinamik. Selain itu, tahap pengantarabangsaan dijangka akan lebih pesat. Dengan integrasi antarabangsa kewangan Islam semakin ketara, aliran kewangan merentas sempadan dan cabaran-cabaran yang berkaitan dengannya juga akan meningkat. Ini akan menuntut tahap kerjasama dan penyelarasan antarabangsa yang lebih besar. Walaupun dekad baharu ini menyerlahkan prospek peluang yang besar dalam kewangan Islam, keupayaan kita untuk merealisasikan potensi ini akan ditentukan oleh keupayaan untuk mengetahui tuntutan tanggungjawab bersama dan secara kolektif meneruskan agenda kestabilan dan daya tahan kewangan demi mencapai matlamat utama untuk kemakmuran bersama.

Dialog Antarabangsa Langkawi 2011: Pembiayaan Inovatif Ke Arah Transformasi Putrajaya, 19 Jun 2011

Ucapan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor Bank Negara Malaysia

Dunia kian berubah. Motivasi kita untuk mempercepat kadar transformasi adalah bagi memastikan kita berupaya menyertai persekitaran ekonomi dan kewangan baharu ini dengan berkesan, dan seterusnya memaksimumkan potensi prestasi kita. Apa yang penting dalam usaha ini ialah wujudnya sistem kewangan yang berfungsi dengan baik serta dasar kewangan yang tepat. Krisis kewangan yang berlaku dalam negara maju baru-baru ini telah menunjukkan bahawa kepincangan dalam sistem kewangan akan mengakibatkan bencana. Ia tidak mewujudkan kekayaan, sebaliknya memusnahkan kekayaan. Peristiwa sebegini tidak akan menjana peluang pekerjaan, malah mengakibatkan pengangguran. Ia juga tidak menyokong pertumbuhan ekonomi, sebaliknya menjejaskan pertumbuhan dan pembangunan.

Saya amat berbesar hati kerana diberi peluang untuk berucap pada Dialog Antarabangsa Langkawi 2011 ini mengenai Pembiayaan Inovatif ke Arah Transformasi. Matlamat keseluruhan transformasi ekonomi pastinya adalah untuk menjana pertumbuhan yang mampan dan seimbang, selain untuk meningkatkan taraf hidup, mewujudkan peluang pekerjaan dan mencapai pembangunan yang lebih terangkum. Namun, dekad ini telah menyaksikan bagaimana pembiayaan inovatif dalam beberapa ekonomi maju telah meningkatkan tahap keberhutangan secara berlebihan sehingga menyebabkan sektor swasta dan sektor awam menanggung hutang yang amat banyak, dan seterusnya mengakibatkan ketidakstabilan yang ketara dalam sistem kewangan dan ekonomi negara tersebut. Cabaran yang kita hadapi adalah bagaimana sistem kewangan harus dibangunkan dan dikawal selia agar kesulitan tersebut dapat dielakkan, dan pada masa yang sama sistem kewangan masih lagi dinamik dan inovatif supaya kita berupaya mencapai kemajuan yang dikehendaki.

Walaupun inovasi diperlukan untuk kemajuan ekonomi, ia harus diletakkan dalam konteks tadbir urus yang lebih kukuh dan amalan pengurusan risiko yang mantap. Inovasi yang positif dapat memberikan sumbangan besar kepada prestasi ekonomi. Sistem kewangan harus menyediakan perkhidmatan kewangan yang diperlukan yang memenuhi keperluan kewangan semua sektor ekonomi, iaitu daripada sektor isi rumah, perusahaan kecil dan sederhana termasuk perusahaan mikro, sehinggalah kepada sektor korporat. Sistem kewangan juga harus mengambil kira perubahan asas yang berlaku dalam ekonomi global dan penyertaan yang kian meningkat daripada ekonomi sedang pesat membangun dalam ekonomi global. Dengan meningkatnya saling hubungan antara kita, sistem kewangan juga harus lebih bersifat antarabangsa bagi menyokong dan mengukuhkan trend ini.

Peranan utama sistem kewangan adalah untuk menjadi perantara yang berkesan dan untuk menggembleng dana sewajarnya, termasuk dana dari luar negeri, untuk disalurkan kepada aktiviti ekonomi yang produktif. Perantaraan sebegini perlulah berlandaskan dan selaras dengan matlamat untuk menjana pertumbuhan yang mampan dan seimbang, meningkatkan taraf hidup, mewujudkan peluang pekerjaan dan menggalakkan pembangunan. Dengan kejelasan peranan sistem kewangan dan pentingnya kaitan sistem kewangan ini kepada ekonomi, maka rangkaian penyelesaian kewangan yang ditawarkan harus memenuhi keperluan yang amat berbeza dan berubah-ubah.

Untuk sektor isi rumah, sistem kewangan menyediakan cara untuk menambah pendapatan dan penggunaan mereka secara optimum sepanjang hayat mereka. Kekayaan dikumpulkan melalui simpanan, pelaburan dan pinjaman pada awal usia dan seterusnya digunakan pada tahun-tahun kemudian, seperti melalui produk pencen dan skim anuiti semasa bersara. Perkara ini menjadi amat penting apabila penduduk semakin meningkat usia mereka. Ketiadaan produk-produk tersebut akan menyebabkan beban yang besar kepada kedudukan fiskal Kerajaan dan taraf hidup secara keseluruhan.

Malaysia telah menggalakkan kepelbagaian produk kewangan yang ditawarkan bagi memastikan keperluan semua segmen penduduk dapat dipenuhi. Ini termasuk produk perbankan asas pada kadar yang amat rendah untuk golongan berpendapatan rendah, rangkaian produk simpanan, pelaburan dan perlindungan yang lebih luas untuk golongan berpendapatan sederhana dan perkhidmatan pengurusan kekayaan dan khidmat nasihat yang menyeluruh untuk golongan berpendapatan tinggi.

Dalam bidang pembiayaan, keutamaan penting bagi sesebuah negara ialah pembiayaan yang menggalakkan pemilikan rumah. Ini adalah untuk memenuhi keperluan asas masyarakat yang utama dan untuk menggalakkan pengumpulan kekayaan dalam kalangan isi rumah. Dalam hal ini, Malaysia bermula dengan penubuhan Cagamas, iaitu perbadanan gadai janji nasional, yang membolehkan bank mendapatkan dana jangka panjang bagi membiayai pinjaman perumahan jangka panjang. Perbadanan gadai janji nasional ini terus berkembang dan menggalakkan pasaran sekunder untuk pinjaman perumahan melalui pengsekuritian serta mengurangkan risiko dalam pembiayaan gadai janji melalui peruntukan insurans gadai janji. Pengaturan inovatif yang baru diperkenalkan pada tahun ini ialah perkongsian risiko antara Kerajaan dengan bank bagi menyediakan peluang kepada segmen berpendapatan rendah dan segmen penduduk lebih muda untuk memiliki rumah sendiri dan lantas mengumpul kekayaan pada usia yang lebih awal.

Satu lagi bentuk pengumpulan kekayaan yang penting ialah skim pelaburan kolektif seperti amanah saham. Pengumpulan tabungan membolehkan ia digunakan untuk sebarang tujuan ekonomi pada kos yang rendah, selain akses kepada pengurus pelaburan profesional serta pelbagai portfolio pelaburan. Di Malaysia, hal ini diperkenalkan pada awalnya melalui penubuhan skim tabungan nasional yang ditaja oleh Kerajaan (Amanah Saham Nasional). Penyertaan isi rumah berpendapatan sederhana telah membuka jalan untuk pertumbuhan industri amanah saham swasta. Penubuhan skim tabungan nasional seperti ini juga menyumbang kepada penambahan jumlah pelabur keinstitusian di Malaysia yang membolehkan jumlah tabungan yang amat besar digembleng. Penggemblengan dana tersebut mewujudkan potensi untuk pendanaan perniagaan dan sektor korporat serta untuk pembiayaan projek termasuklah untuk pembangunan infrastruktur.

Memandangkan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) dan perusahaan mikro merupakan sebahagian besar daripada perusahaan perniagaan di kebanyakan negara, dan mereka memberikan sumbangan yang besar kepada KDNK, serta guna tenaga dan penjanaan kekayaan, akses kepada pembiayaan yang berkesan adalah amat penting. Bagi menangani perkara ini, Malaysia telah menubuhkan Syarikat Jaminan Kredit (CGC) bagi membantu PKS yang berdaya maju tetapi tidak mempunyai rekod prestasi yang mencukupi untuk mendapatkan akses kepada pembiayaan, dengan memberikan jaminan dan penambahan kredit untuk pembiayaan PKS. Penilaian kredit dilakukan oleh pihak bank dan juga CGC. Di negara yang kemahiran penilaian kredit PKS sukar didapati, inisiatif mengumpulkan kepakaran di satu tempat melalui pengaturan yang sedemikian akan dapat memudahkan urusan ini ketika bank terus meningkatkan keupayaan mereka. Rangkaian luas produk dan perkhidmatan kewangan inovatif kini boleh didapati untuk menyokong agenda ini.

Satu program yang sangat berjaya di Malaysia ialah Skim Bantuan Jaminan PKS bernilai RM2 bilion yang ditubuhkan pada bulan Februari 2009 bagi memastikan PKS berdaya maju yang terjejas akibat kelembapan ekonomi terus mendapat akses kepada pembiayaan. Di bawah skim ini, PKS boleh mendapatkan pembiayaan dengan 80% perlindungan jaminan daripada CGC. Kos jaminan ini ditanggung oleh Bank Negara Malaysia. Skim ini telah membantu kira-kira 10,000 PKS daripada semua sektor ekonomi untuk meneruskan perniagaan mereka serta mengekalkan guna tenaga.

Modal usaha niaga dan dana ekuiti swasta diperlukan sebagai pembiayaan peringkat awal untuk PKS yang inovatif. Oleh sebab dana yang sedemikian mempunyai tumpuan yang amat khusus, adalah menjadi kebiasaan untuk dana-dalam-dana diwujudkan sebagai mekanisme pengumpulan yang bertujuan untuk mempelbagaikan risiko. Walau bagaimanapun, kejayaan pembiayaan yang berbentuk demikian amat bergantung pada persekitaran yang menyokong dari segi kesediaan tenaga kerja mahir dan juga pasaran ekuiti yang mendalam dan secara relatifnya dibangunkan dengan baik bagi membolehkan pelabur peringkat awal untuk “keluar dari pasaran”.

Akhir sekali, pembiayaan mikro penting dalam menyediakan akses kepada pembiayaan untuk perusahaan mikro. Kini terdapat banyak skim inovatif untuk mendapatkan khidmat bantuan, termasuk melalui perbankan bergerak (mobile banking) dan perbankan ejen (agent banking). Kejayaan pembiayaan ini banyak bergantung pada penentuan harga dan aksesibiliti. Dunia telah melihat tahap kejayaan yang berbeza dalam pembiayaan seperti ini. Kejayaan pembiayaan ini banyak bergantung pada persekitaran yang menyokong. Ini termasuk pengaturan keinstitusian, model perniagaan untuk pembiayaan, pengawalan dan dasar serta pengawasan penyeliaan. Ini akan memastikan kemampanannya sebagai suatu bentuk pembiayaan.

Satu lagi segmen perniagaan yang penting ialah sektor korporat. Perusahaan perniagaan yang telah mantap akan memerlukan sumber pembiayaan yang cekap untuk berkembang serta khidmat nasihat untuk memaksimumkan nilai perusahaan. Pasaran bon yang dalam dan cair yang mempunyai aliran maklumat yang baik serta infrastruktur moden akan membolehkan harga terbitan korporat ditentukan dengan cekap – daripada kertas perdagangan jangka pendek bagi menyokong mudah tunai dan modal kerja hinggalah kepada bon jangka lebih panjang untuk pembiayaan projek. Perkhidmatan perbendaharaan juga penting dalam menguruskan dana perbadanan yang lebih besar bagi mendapatkan pulangan yang lebih tinggi serta akses kepada pengurusan risiko dan instrumen perlindungan nilai untuk menguruskan pertukaran asing, harga komoditi dan bentuk risiko pasaran lain.

Dengan berkembangnya ekonomi, kerajaan-kerajaan perlu beralih daripada berperanan sebagai pemacu pertumbuhan kepada peranan memudahkan dan menggalakkan sektor swasta sebagai pemacu pertumbuhan. Malaysia telah memanfaatkan kelebihan yang ada pada sektor awam dan sektor swasta melalui Perkongsian Awam-Swasta untuk projek infrastruktur. Objektifnya adalah untuk mengoptimumkan keberkesanan kos dan kemampanan model pembiayaan bagi meningkatkan daya maju projek infrastruktur tersebut. Ini dapat dicapai apabila risiko dipindahkan kepada pihak yang paling berupaya menguruskan risiko tersebut. Oleh itu, sektor awam dapat menyediakan jaminan risiko pengawalan serta insentif untuk memastikan permintaan mencukupi, manakala sektor swasta akan menyediakan pembiayaan serta kepakaran teknikal. Model ini berjaya dilaksanakan untuk pemegang konsesi lebuh raya terbesar di Malaysia. PLUS mengendalikan dan menyelenggarakan lebuh raya sepanjang 973km di Semenanjung Malaysia yang bermula dari sempadan Thailand sehingga ke Singapura serta menghubungkan semua bandar utama di pantai barat Semenanjung Malaysia.

Pembiayaan untuk pembangunan infrastruktur juga sama pentingnya kerana ia memberikan kesan terhadap kedudukan fiskal. Dalam menstrukturkan pembiayaan yang paling kompetitif dan cekap pada setiap peringkat jadual projek infrastruktur, beberapa pilihan

boleh dipertimbangkan termasuk pendanaan daripada belanjawan, terbitan bon Kerajaan jangka panjang, pensekuritian kerja yang telah siap, serta terbitan bon jangka panjang yang disokong oleh janji Kerajaan untuk membuat bayaran yang tertunda. Gabungan pendanaan sebenar yang digunakan perlu berdasarkan kedudukan fiskal Kerajaan dan keadaan ekonomi. Dengan menggunakan gabungan pelbagai strategi sepanjang tempoh keseluruhan projek, Kerajaan dapat mengoptimumkan kos pendanaan.

Satu lagi bidang utama pembiayaan yang menjadi cabaran bagi ekonomi maju dan ekonomi sedang pesat membangun ialah penjagaan kesihatan. Struktur penyediaan penjagaan kesihatan memerlukan elemen sosial yang seimbang untuk mengelakkan kegagalan pasaran yang sistemnya sebahagian besar dipacu oleh sektor swasta (seperti yang berlaku di Amerika Syarikat) dan ketidakcekapan jika menggunakan sistem awam sepenuhnya (contohnya beberapa negara Eropah). Skim insurans kesihatan sosial yang berdasarkan sumbangan perolehan merupakan satu cara sumber pendanaan seperti ini yang boleh melengkapi sumber pendanaan sektor awam. Pengaturan keinstitusian yang sedemikian seharusnya dapat menyediakan penjagaan kesihatan asas yang berkualiti tinggi untuk rakyat manakala insurans kesihatan swasta pula berperanan melengkapkan penyediaan tahap penjagaan yang lebih tinggi bagi mereka yang mampu menanggung kosnya.

Dalam membangunkan sektor kewangan yang akan menyediakan pembiayaan inovatif ke arah transformasi ekonomi pada fasa pembangunan yang berbeza, beberapa elemen sokongan diperlukan. Ini termasuk:

a. Mempunyai institusi kewangan yang kukuh dan berdaya tahan untuk bertahan dalam kitaran ekonomi;
b. Penubuhan sistem maklumat kredit;
c. Pembangunan pasaran bon dalam negeri untuk membiayai pelaburan besar bagi sektor awam dan sektor swasta. Ini termasuk infrastruktur yang diperlukan untuk memudahkan pasaran bon berfungsi;
d. Mempunyai bekalan tenaga mahir dalam industri perkhidmatan kewangan;
e. Celik kewangan harus dikembangkan secara agresif;
f. Struktur yang berkesan untuk memastikan pengawasan yang mencukupi bagi menjamin keteguhan dan kestabilan sistem kewangan;
g. Mekanisme penyelesaian masalah hutang termasuk untuk sektor awam dan sektor swasta;
h. Mempunyai potensi untuk memanfaatkan teknologi. Ini secara khususnya akan mempertingkat saluran pengagihan dan jangkauan;
i. Rangka kerja perlindungan pengguna perlu diwujudkan; dan
j. Mekanisme pengawasan perlu diwujudkan.

Akhir kata, saya ingin membincangkan betapa pentingnya kewangan Islam sebagai satu cara utama untuk membiayai transformasi ekonomi. Kewangan Islam memerlukan urus niaga kewangan yang disokong dan didasari oleh aktiviti ekonomi yang produktif dan yang akan menjana pendapatan dan kekayaan yang halal. Ini akan mewujudkan kaitan rapat antara urus niaga kewangan dengan aliran produktif. Oleh itu, pertumbuhan aset kewangan Islam secara umumnya adalah sejajar dengan pertumbuhan aktiviti ekonomi yang mendasarinya, dan seterusnya memastikan sistem kewangan sentiasa berasaskan aktiviti ekonomi sebenar. Ciri dalaman lain hasil daripada perkongsian risiko turut menyumbang kepada kestabilan dan integriti kewangan Islam. Oleh itu, kewangan Islam yang diterima dengan sepenuhnya akan menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Kewangan Islam menawarkan rangkaian produk dan perkhidmatan kewangan inovatif yang luas iaitu daripada pembiayaan pengguna, pengurusan aset dan kekayaan hinggalah kepada insurans Islam dan pasaran modal. Pasaran sukuk telah menjadi pilihan perolehan dana yang sangat kompetitif untuk projek berskala besar dan pembangunan infrastruktur. Dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 40%, instrumen sukuk muncul sebagai kelas aset

baharu yang menarik buat para pelabur, dan pada masa yang sama menjadi kaedah pembiayaan dan penambahan modal pilihan utama penerbit. Di Malaysia, pasaran sukuk kini mencakupi lebih daripada lima puluh peratus daripada pasaran bon dan melibatkan penyertaan bukan sahaja daripada perusahaan tempatan, malah daripada pelbagai perbadanan antarabangsa dan agensi multilateral. Di Malaysia, sistem kewangan Islam yang komprehensif beroperasi selari dengan sistem kewangan konvensional. Sistem kewangan Islam kini diantarabangsakan bagi meningkatkan kesalinghubungan dengan ekonomi sedang pesat membangun serta pasaran tradisional lain.

Ekonomi sedang pesat membangun akan menjadi pemacu utama dalam transformasi ekonomi pada dekad akan datang, sama ada dalam atau antara sempadan, dan menjadikan ekonomi global lebih berintegrasi. Oleh itu, adalah amat penting bagi usaha dipertingkatkan untuk memastikan kerjasama dan pengalaman dikongsi untuk kepentingan bersama. Dialog Antarabangsa Langkawi terus menjadi platform penting untuk perkongsian tersebut dan saya amat berbesar hati kerana berpeluang berada di sini pada hari ini.

Persidangan Kemuncak Perbankan Dunia
Forum Rasmi Institusi Monetari dan Kewangan (OMFIF)

"Meninjau Masa Hadapan: Imbangan Kuasa Ekonomi dan Kewangan Antarabangsa Baharu dan Implikasinya"
London, 30 Jun 2011

Ucapan oleh

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Kita kini dalam era yang benar-benar luar biasa. Transformasi global yang ketara kini berlaku dengan begitu pantas dan pada skala yang tidak pernah disaksikan. Perubahan transformasi yang tersebar luas adalah hasil daripada beberapa peralihan global yang saling mendorong antara satu sama lain – yakni peralihan dari segi ekonomi, kewangan dan monetari. Peralihan struktur yang meluas ini menimbulkan kesan menyeluruh dan mendalam selain akan menyebabkan penjajaran semula landskap ekonomi dan kewangan global, yang bukan sekadar bersifat sementara malah mampu membawa kepada transformasi struktur yang penting dalam sejarah dan bakal mengubah dunia.

Saya amat berbesar hati kerana berpeluang hadir di London untuk menyampaikan ucapan di Persidangan Kemuncak Perbankan Dunia OMFIF ini. Ucapan saya hari ini akan tertumpu pada tiga peralihan struktur global yang saling berkait - peralihan yang sedang berlaku dari segi ekonomi, kewangan dan monetari. Dunia kini berhadapan dengan pelbagai cabaran – untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang diiringi pewujudan peluang pekerjaan, memastikan sistem kewangan berfungsi dengan cekap dan berkesan, membendung inflasi yang sedang meningkat, menangani ketakseimbangan fiskal dan tahap keberhutangan yang berlebihan serta menghadapi aliran kewangan merentas sempadan yang turun naik dan berupaya mengancam kestabilan. Namun, kita juga perlu menyedari betapa pentingnya peralihan asas ini yang kini mengubah landskap global masa hadapan.

Peralihan Ekonomi

Peralihan ekonomi berlaku ekoran peralihan secara kumulatif dalam penggunaan, pelaburan dan perdagangan global. Sepanjang lebih dua abad yang lalu, kuasa ekonomi global berpusat di negara-negara yang didiami kurang daripada dua puluh peratus penduduk dunia[i]. Namun, sejak dua dekad kebelakangan ini, kebangkitan serentak ekonomi sedang pesat membangun telah menyumbang ke arah penjajaran semula landskap global yang besar. Tambahan pula, proses penjajaran semula ini telah dipercepat oleh krisis kewangan global baru-baru ini yang telah menyebabkan pemulihan global yang tidak sekata seperti ditunjukkan oleh pemulihan dalam ekonomi maju yang agak perlahan dan lembap berbanding pertumbuhan yang mantap dan lebih kukuh dalam ekonomi sedang pesat membangun.

Kebangkitan serentak ekonomi sedang pesat membangun telah mengalih pusat ekonomi dunia ke arah persekitaran yang lebih global dengan kuasa ekonomi yang lebih tersebar – membentuk dunia yang makin berbilang pusat dan pengaruh. Meskipun pertumbuhan ekonomi adalah paling nyata di rantau Asia, pertumbuhan kukuh sebenarnya telah dicatat di sebahagian besar ekonomi sedang pesat membangun dalam dekad ini. Kini, kumpulan ekonomi tersebut menyumbang hampir tiga perempat daripada pertumbuhan global, dan diunjurkan bahawa kelompok ekonomi ini bakal merangkumi hampir 60% jumlah keluaran dunia menjelang tahun 2030[ii].

Lokus penggunaan global telah semakin beralih daripada ekonomi maju kepada ekonomi sedang pesat membangun berikutan pendapatan yang meningkat, peluang pekerjaan yang bertambah dan perumusan dasar yang khusus untuk menggalakkan permintaan dalam negeri. Secara purata, ekonomi sedang pesat membangun telah menambah sebanyak 125 juta penduduk ke dalam kelas pertengahan global setiap tahun, bersamaan dengan lebih dua kali ganda penduduk United Kingdom. Fenomena ini bakal menambah penduduk kelas pertengahan global sebanyak dua kali ganda kepada 3.2 bilion menjelang akhir dekad ini[iii]. Paling ketara ialah kemunculan pusat peruncitan pengguna yang baharu di Asia, Timur Tengah dan Amerika Latin. Menjelang tahun 2020, rantau Asia sahaja diunjurkan akan mencakupi lebih 50% daripada penduduk kelas pertengahan dunia dan merangkumi lebih 40% daripada penggunaan global[iv]. Keadaan ini diperkukuh lagi oleh struktur demografi yang menunjukkan golongan penduduk yang secara relatifnya lebih muda dan lebih cenderung untuk berbelanja.

Langkah lain yang menambahkan potensi penggunaan yang lebih tinggi termasuk pembentukan jaring keselamatan sosial, termasuk untuk kesihatan dan pendidikan, penambahbaikan dalam pengangkutan awam, dan pembinaan institusi yang mengurangkan keperluan untuk simpanan awasan, yang melibatkan pembentukan dana pencen dan insurans. Dan akhirnya, pembangunan sistem kewangan domestik telah memastikan akses kepada pembiayaan yang berterusan.

Peralihan pengguna global dari segi geografi ini turut mengubah corak perdagangan antarabangsa. Lantaran permintaan akhir kini semakin banyak datangnya dari Asia, Timur Tengah dan Amerika Latin, maka destinasi akhir bagi eksport juga semakin banyak tertumpu pada ekonomi sedang pesat membangun. Oleh itu, hala tuju perdagangan dijangka berubah kerana ekonomi maju akan lebih banyak mengeksport ke ekonomi sedang pesat membangun lantas mengurangkan ketakstabilan global malah juga berpotensi menukar kedudukan imbangan pembayaran global.

Perdagangan antara ekonomi sedang pesat membangun turut melonjak. Bukan sahaja perdagangan dalam rantau Asia akan meningkat, malah perdagangan antara pelbagai rantau ekonomi sedang pesat membangun, khususnya antara Asia dengan Timur Tengah dan Amerika Latin, juga semakin menyerlah. Apabila peranan ekonomi sedang pesat membangun berubah daripada pengeluar kepada pengguna global, tumpuan perdagangan juga bertukar daripada input perkilangan pengantaraan kepada barangan pengguna akhir. Sesungguhnya, peralihan sedemikian dalam corak perdagangan kini sedang berlaku. Meskipun perdagangan dunia berkembang hampir empat kali ganda, perdagangan dalam kalangan ekonomi sedang pesat membangun telah meningkat lebih sepuluh kali[v] . Dalam dekad ini, Asia telah muncul sebagai rakan perdagangan terbesar bagi Timur Tengah, mencakupi lebih separuh daripada jumlah perdagangan di Timur Tengah.

Seiring dengan kesemua perkembangan ketara tersebut, aliran pelaburan ke dalam ekonomi sedang pesat membangun turut melalui perubahan yang berkekalan. Aliran pelaburan ke dalam ekonomi sedang pesat membangun pada awalnya didorong oleh sumber semula jadi, bekalan pekerja, kos menjalankan perniagaan yang lebih rendah dan pasaran dalam negeri yang semakin berkembang. Faktor-faktor ini telah mewujudkan peluang pelaburan yang luas dalam ekonomi sedang pesat membangun. Sejak dua dekad kebelakangan ini khususnya, berlaku peralihan ketara dalam kapasiti perkilangan daripada ekonomi maju kepada ekonomi sedang pesat membangun.

Walau bagaimanapun, baru-baru ini didapati bahawa aliran pelaburan ke dalam ekonomi sedang pesat membangun datangnya daripada ekonomi itu sendiri. Pada masa kini, lebih satu pertiga daripada pelaburan langsung asing (foreign direct investment,

FDI) ke dalam ekonomi sedang pesat membangun adalah daripada ekonomi sedang pesat membangun, dan bahagian pelaburan ini dijangka semakin meningkat[vi]. Apabila syarikat-syarikat dalam ekonomi sedang pesat membangun makin berkembang dan kukuh, syarikat-syarikat tersebut dijangka mengembangkan operasi mereka melangkaui sempadan negara ke rantau ini dan negara-negara lain di dunia lantas mewujudkan generasi syarikat multinasional global yang baharu. Apa yang penting adalah dengan adanya syarikat-syarikat ini pada peringkat rantau dan antarabangsa bukan sahaja menyediakan modal bahkan tenaga mahir dan kepakaran kepada ekonomi sedang pesat membangun lain. Berdasarkan statistik terkini, bilangan syarikat *Fortune 500* dari ekonomi sedang pesat membangun telah bertambah lebih dua kali ganda sejak empat tahun kebelakangan ini[vii]. Hubungan perdagangan yang semakin kukuh antara ekonomi sedang pesat membangun turut menggalakkan pelaburan syarikat merentas sempadan ke dalam ekonomi sedang pesat membangun.

Peralihan dalam hala tuju aliran modal ini – dari ekonomi maju ke ekonomi sedang pesat membangun, dan dalam kalangan ekonomi sedang pesat membangun – akan memperteguh potensi pertumbuhan ekonomi sedang pesat membangun, dan dengan itu peralihan ekonomi global ini ke arah ekonomi tersebut. Di samping itu, peruntukan modal kepada peluang pelaburan produktif yang lebih banyak dalam ekonomi sedang pesat membangun akan menyumbang kepada proses pengimbangan global, dan dengan itu ke arah pencapaian ekonomi dunia yang lebih seimbang.

Peralihan Kewangan

Kini saya akan menyentuh pula mengenai peralihan yang berlaku baru-baru ini dalam persekitaran global - peralihan kewangan. Ekonomi dunia kini lebih bersifat global dan lantaran itu aktiviti ekonomi dan pengeluaran semakin tersebar ke seluruh dunia. Sejajar dengan perkembangan tersebut, lokasi pusat kewangan pastinya juga semakin tersebar. Namun demikian, pusat kewangan antarabangsa masih lagi didominasi oleh pusat kewangan dalam ekonomi maju. Dari segi geografi, pusat kewangan masih lagi tertumpu di beberapa bandar raya dunia maju. Sistem kewangan global juga bercirikan rangkaian institusi kewangan yang berasal dari pusat kewangan tersebut – kebanyakannya dari Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun – yang beroperasi di serata dunia. Operasi institusi kewangan tersebut pada peringkat antarabangsa khususnya untuk menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan mereka yang mempunyai perniagaan pada peringkat antarabangsa dan untuk membiayai perdagangan antarabangsa.

Pada masa akan datang, kita bakal menyaksikan lokasi pusat kewangan menjadi lebih luas tersebar. Pusat kewangan baharu pula akan muncul untuk memberi perkhidmatan kepada pusat pertumbuhan baharu dalam ekonomi sedang pesat membangun dan perniagaan baharu yang beroperasi di rantau masing-masing dan serata dunia. Langkah ini juga akan merapatkan kesalinghubungan sistem kewangan, khususnya dalam kalangan ekonomi sedang pesat membangun. Trend ini akan diperkukuh oleh perubahan dalam corak perdagangan antarabangsa dan aktiviti pelaburan merentas sempadan kepada, dan dalam kalangan ekonomi sedang pesat membangun.

Selain itu, beberapa ciri ketara yang terdapat dalam kebanyakan ekonomi sedang pesat membangun akan mendorong pengantaraan kewangan dalam rantau yang lebih giat. Pertama ialah kadar simpanan yang secara relatif lebih tinggi dalam kebanyakan ekonomi sedang pesat membangun. Ini meningkatkan peluang simpanan digunakan dengan lebih berkesan di dalam dan antara rantau, agar dapat disalurkan dengan cekap kepada pelaburan yang produktif merentas dan antara rantau. Rantau yang mempunyai dana lebihan seperti Timur Tengah berpeluang menyalurkan dana berkenaan ke rantau lain yang menawarkan peluang pelaburan. Kedua ialah trend ke arah penyahkawalan dan reformasi kewangan yang membolehkan sistem kewangan berfungsi dengan lebih

fleksibel dan lebih mudah dijangka. Ketiga, trend ke arah liberalisasi yang lebih meluas – bukan sahaja dari segi pemansuhan halangan perdagangan tetapi juga sekatan akaun modal. Perkembangan ini diperkukuh oleh pembangunan pasaran kewangan ekonomi sedang pesat membangun. Trend sebegini secara kumulatif telah menggalakkan sistem kewangan ekonomi sedang pesat membangun untuk berkembang pada peringkat serantau dan antarabangsa.

Trend ini akan diperkukuh lagi oleh pertumbuhan dan pengembangan pantas institusi kewangan pasaran sedang pesat membangun yang makin giat beroperasi melangkaui sempadan negara masing-masing. Institusi kewangan dari ekonomi sedang pesat membangun telah berkembang dengan nyata dari segi saiz dan juga kekukuhannya sejak sedekad yang lalu dan kini merangkumi hampir separuh daripada nilai pasaran industri kewangan dunia. Malah, dua daripada bank terbesar dunia dari segi aset kini dikuasai oleh institusi kewangan pasaran sedang pesat membangun. Institusi kewangan bukan sahaja telah mengukuhkan kehadiran mereka melalui penubuhan anak syarikat atau cawangan, malah melalui aktiviti penggabungan dan pemerolehan merentas sempadan yang semakin meningkat. Trend ini memudahkan lagi pengantaraan kewangan merentas sempadan dan mengukuhkan kesalinghubungan ekonomi dalam kalangan ekonomi sedang pesat membangun. Apabila pasaran kewangan dalam negeri dibangunkan, dan pasaran tersebut mula diantarabangsakan, kesalinghubungan pasaran boleh ditingkatkan dan dengan itu membolehkan peruntukan sumber secara optimum dan cekap antara ekonomi. Hasilnya, sebahagian daripada simpanan yang tinggi dalam rantau ini boleh disalurkan semula ke dalam aktiviti pelaburan di rantau ini.

Satu lagi trend penting dalam landskap kewangan antarabangsa ialah langkah mengantarabangsakan kewangan Islam dan peranannya dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan kestabilan kewangan global secara keseluruhan. Dalam dekad ini, kewangan Islam berkembang sebagai suatu bentuk pengantaraan kewangan yang kompetitif. Langkah mengantarabangsakan kewangan Islam akan turut meningkatkan kesalinghubungan ekonomi bukan sahaja di Asia dan Timur Tengah, malah dengan rantau lain di dunia. Rangka kerja kawal selia bagi kewangan Islam telah dimantapkan pada peringkat antarabangsa dan kemajuan yang lebih bermakna berjaya dicapai dari segi penyeragaman tafsiran Syariah dan pewujudan mekanisme untuk menguruskan mudah tunai merentas sempadan. Bidang yang perlu diberi perhatian lanjut ialah penghasilan rangka kerja pengurusan krisis antara sempadan. Jika dilihat dari trend yang wujud baru-baru ini, langkah mengantarabangsakan kewangan Islam berjaya membantu memperkuat ikatan perdagangan dan pelaburan –khususnya antara Asia dengan Timur Tengah lantas merapatkan kesalinghubungan ekonomi dan kewangan kedua-dua rantau yang sedang melalui fasa pertumbuhan dinamik ini.

Peralihan Monetari

Peralihan global ketiga yang sedang berlaku adalah dalam sistem monetari antarabangsa. Dengan ekonomi sedang pesat membangun mencakupi bahagian ekonomi global yang lebih besar selain semakin giat menyertai urus niaga merentas sempadan dalam bidang perdagangan dan pelaburan, peranan yang dimainkan oleh ekonomi sedang pesat membangun dalam sistem monetari antarabangsa akan menjadi semakin penting. Isu yang sedang kita hadapi ialah apakah bentuk perubahan yang akan dilalui oleh sistem kewangan antarabangsa di tengah-tengah peralihan ekonomi dan kewangan global yang sedang berlaku. Apakah peralihan sedemikian juga akan berlaku dalam sistem kewangan antarabangsa?

Apabila euro muncul sebagai mata wang rizab antarabangsa, tiga mata wang rizab antarabangsa – dolar Amerika, euro dan yen Jepun – dijangka digunakan dengan meluas dalam sistem kewangan antarabangsa. Memandangkan dolar AS paling banyak

digunakan pada peringkat antarabangsa serta saiz dan mudah tunai pasaran kewangan AS yang besar, dolar AS mendominasi sebagai mata wang rizab dalam sistem kewangan antarabangsa. Melangkah ke hadapan, mata-mata wang tersebutlah yang berupaya untuk mencatat prestasi yang efisien sebagai mata wang pertukaran bagi urus niaga merentas sempadan untuk perdagangan dan pelaburan, dan akan muncul sebagai mata wang rizab antarabangsa. Tiga senario dibincangkan dengan mendalam oleh masyarakat antarabangsa. Pertama, satu mata wang tunggal yang mendominasi; kedua, pelbagai mata wang yang wujud sebagai mata wang rizab antarabangsa; dan ketiga, kemunculan satu mata wang global misalnya SDR (Special Drawing Rights). Apa yang penting ialah kestabilan mata wang tersebut secara relatif dan keupayaannya untuk bertahan apabila berlaku perkembangan yang boleh menjejaskan kestabilan.

Sebelum tercetusnya krisis hutang Kerajaan di Eropah dan krisis kewangan di Jepun, euro dan yen telah diterima sebagai mata wang rizab yang penting. Perkembangan yang berlaku di Eropah baru-baru ini perlu dilihat sebagai rintangan sementara dan apabila penyelesaian dan kestabilan berjaya dicapai, peranan mata-mata wang tersebut sebagai mata wang rizab antarabangsa dijangka dapat diteruskan semula. Di samping itu, kemunculan RR China sebagai negara penting dalam sistem kewangan antarabangsa mencerahkan prospek renminbi untuk menjadi mata wang rizab. RR China merupakan rakan perdagangan terbesar bagi banyak negara. Malah telah wujud perdagangan dua hala yang menggunakan renminbi sebagai mata wang penyelesaian. Di samping itu, semakin banyak Bank Pusat dan Dana Kekayaan Kerajaan (Sovereign Wealth Funds) melabur dalam aset yang didenominasikan dalam renminbi. Trend ini dijangka meningkat.

Senario ketiga yang telah dibincangkan ialah kemunculan mata wang global. Ekonomi sedang pesat membangun dan ekonomi membangun yang lebih kecil, yang menjalankan perdagangan antarabangsa mungkin menyokong mata wang global yang terdiri daripada kumpulan komposit mata wang. Ciri komposit mata wang menggalakkan kestabilan yang secara relatif lebih mantap, iaitu risiko yang tidak dapat dielakkan oleh mata wang tunggal. Dengan yang demikian, pergerakan mata wang yang tidak stabil tidak akan menjejaskan pendapatan perdagangan.

Namun, peralihan kepada sebarang pengaturan monetari baharu hanya boleh berlaku secara beransur-ansur memandangkan pembangunan infrastruktur dan prasyarat kewangan memerlukan masa untuk disediakan. Sejarah menunjukkan bahawa akan wujud inersia dalam pengantarabangsaan mata wang. Oleh yang demikian, langkah mengantarabangsakan euro dan renminbi China sebagai mata wang rizab pelengkap bagi dolar AS dijangka diteruskan secara beransur-ansur, dan ada kalanya akan berbalik kepada dolar AS sekiranya berlaku tempoh pengelakan risiko yang amat ketara. Antara prasyarat penting yang perlu dipenuhi ialah memperkukuh kedalaman dan kecairan pertukaran asing dan pasaran kewangan lain supaya dapat menangani proses peralihan sambil kita beralih kepada sistem rizab antarabangsa yang berbilang mata wang.

Tadbir Urus Global

Dengan ekonomi sedang pesat membangun memainkan peranan lebih penting dalam bidang ekonomi dan kewangan global, ekonomi tersebut pastinya perlu mempunyai perwakilan yang lebih banyak serta tanggungjawab lebih besar dalam proses tadbir urus global. Meskipun peralihan daripada G7 kepada G20 diiktiraf sebagai langkah positif yang menjangkaui ekonomi maju, perwakilan dalam G20 masih terbatas mengikut saiz ekonomi dan bukan berasaskan kumpulan negara. Lebih penting lagi, ekonomi kecil dan sederhana perlu menjadi sebahagian daripada proses tadbir urus global ini dan dalam penetapan standard antarabangsa yang perlu mengambil kira dengan sewajarnya kesan terhadap ekonomi sedang pesat membangun.

Blok serantau kini makin proaktif dalam melaksanakan pengawasan dan mewujudkan kemudahan dan mekanisme mereka sendiri untuk memelihara kestabilan. Namun, ini tidak menjejaskan peranan institusi kewangan pelbagai hala antarabangsa yang sedia ada. Usaha ini patut digalakkan dan kelebihan berbanding blok serantau perlu dimanfaatkan sebaik mungkin untuk mencapai agenda bersama.

Tahap kesalinghubungan yang lebih erat dalam landskap ekonomi, kewangan dan monetari global bererti agenda global bagi pertumbuhan dan kestabilan kewangan merupakan tanggungjawab yang perlu dipikul bersama. Apabila cabaran global melanda dunia, penyelesaian dan kebertanggungjawaban global lebih diperlukan. Dasar yang dirumuskan tidak seharusnya hanya mengambil kira pertimbangan negara sahaja. Reka bentuk tadbir urus global baharu kini perlu mengambil kira faktor bahawa ekonomi kini saling bergantung antara satu sama lain dan kerjasama serta penyelarasan antarabangsa yang lebih mantap perlu dijalin.

Kesimpulan

Sebagai penutup, saya ingin menyatakan bahawa kebangkitan serentak ekonomi sedang pesat membangun kini telah mengubah landskap global secara asasnya. Kesemua perkembangan ini mempunyai implikasi yang sangat besar terhadap dunia. Meskipun kita kini dalam era peralihan dan berdepan dengan keperluan untuk menangani pelbagai cabaran besar, penting untuk kita menyedari bahawa peralihan struktur sedang membentuk semula dunia. Sambil kita bergerak ke arah 'kelaziman baharu' yang diperkukuh oleh persekitaran yang bercirikan kesalinghubungan ekonomi dan kewangan yang kian rapat, imbangan yang lebih baik diperlukan dalam tadbir urus global selain kerjasama dan penyelarasan global yang ditingkatkan. Kita semua perlu berkongsi satu agenda yang sama untuk mewujudkan dunia baharu yang lebih seimbang, lebih stabil dan lebih mampan.

i OECD, Perspectives on Global Development 2010: Shifting Wealth (June 2010)
ii OECD, Perspectives on Global Development 2010: Shifting Wealth (June 2010)
iii OECD, The Emerging Middle Class in Developing Countries (January 2010)
iv OECD, The Emerging Middle Class in Developing Countries (January 2010)
v OECD, Perspectives on Global Development 2010: Shifting Wealth (June 2010)
vi World Bank, Global Development Horizons 2011: Multipolarity – The New Global Economy (May 2011)
vii McKinsey Quarterly, The Great Rebalancing (June 2010)

KALENDAR PERISTIWA
April-Jun 2011

20 April 2011

Bank Negara Malaysia mengumumkan pelantikan semula Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz sebagai Gabenor Bank Negara Malaysia untuk tempoh lima tahun bermula dari 1 Mei 2011. Dr. Zeti telah memegang jawatan Gabenor Bank Negara Malaysia sejak bulan Mei 2000.

25 April 2011

Bank Negara Malaysia dan People's Bank of China telah menandatangani perjanjian penubuhan pejabat perwakilan Bank Negara Malaysia di Beijing. Penubuhan pejabat perwakilan Bank Negara Malaysia akan menyumbang kepada kerjasama yang lebih erat antara kedua-dua bank pusat tersebut. Pejabat perwakilan ini juga akan berfungsi sebagai pusat perhubungan yang penting dengan pengawal selia dan peserta pasaran di China selain memudahkan pengendalian kajian pasaran tentang ekonomi dan perkembangan kewangan China. Pejabat perwakilan di Beijing ini merupakan pejabat perwakilan luar negeri ketiga yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia, selain pejabat perwakilan di London dan New York.

3 Mei 2011

Bank Negara Malaysia mengumumkan langkah bagi memastikan semua pemilik kenderaan akan mendapat akses kepada perlindungan motor. Orang ramai boleh mendapat perlindungan motor daripada semua penanggung insurans am dan kesemua cawangannya serta di Pos Malaysia dan kesemua cawangannya di seluruh negara. Semua penanggung insurans am memberikan komitmen untuk menyediakan perlindungan motor kepada semua pemilik kenderaan termasuk 'kenderaan tersisih' (displaced vehicles) yang terdiri daripada kenderaan persendirian yang melebihi jangka hayat 10 tahun, dan motorsikal yang pada masa ini diunderait oleh Malaysia Motor Insurance Pool (MMIP). Bagi memastikan hak pengguna dilindungi, Bank Negara Malaysia menegah penanggung insurans daripada memaksa pelanggan mereka supaya membeli produk bukan motor sebagai syarat untuk mereka menjual perlindungan motor.

5 Mei 2011

Pada mesyuarat yang ketiga bagi tahun 2011, Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara (MPC) memutuskan untuk menaikkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 3.00%. Dengan penilaian bahawa ekonomi akan terus mampan, MPC memutuskan untuk menyelaraskan tahap dasar monetari yang akomodatif. Pada kadar OPR baharu ini, dasar monetari kekal menyokong pertumbuhan. Bank Negara Malaysia juga mengumumkan kenaikan Nisbah Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR) daripada 2.00% kepada 3.00% berkuat kuasa 16 Mei 2011, sebagai langkah awalan untuk menguruskan peningkatan mudah tunai yang ketara, yang mungkin mengakibatkan keadaan kewangan yang tidak seimbang dan kewujudan risiko ketidakstabilan kewangan.

12 Mei 2011

Dalam ucapan beliau pada Sidang Kemuncak ke-8 Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (Islamic Financial Services Board) di Luxembourg bertajuk "Kestabilan Kewangan: Kerjasama Serantau dan Global", Gabenor menyatakan bahawa dengan pengantarabangsaan kewangan Islam yang lebih pesat, terdapat keperluan untuk membangunkan rangka kerja bagi kestabilan kewangan merentas sempadan bagi mengukuhkan lagi daya tahan sistem kewangan Islam dan untuk menangani cabaran merentas sempadan. Beliau menambah bahawa kerjasama antara pihak berkuasa penyeliaan institusi kewangan Islam adalah perlu untuk memastikan kejayaan inisiatif ini. Di samping itu, Gabenor juga mencadangkan penubuhan satu rangka kerja pengawasan makro yang bersepadu bagi aktiviti kewangan Islam, termasuk usaha-usaha seperti pangkalan data global IFSB untuk statistik kewangan Islam, yang akan membantu untuk mengenal pasti dan mengurangkan risiko yang sedang muncul dalam sistem kewangan Islam merentas negara.

18 Mei 2011

Bank Negara Malaysia mengumumkan bahawa Malaysia telah mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi pada suku pertama 2011 dengan mencatat pertumbuhan sebanyak 4.6%, disokong oleh peningkatan permintaan dalam negeri dan perbelanjaan sektor swasta yang lebih tinggi. Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi utama mencatat pertumbuhan yang positif dan diterajui oleh pertumbuhan kukuh dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan, kecuali sektor komoditi utama iaitu pertanian dan perlombongan. Kadar inflasi keseluruhan meningkat sebanyak 2.8% pada suku pertama disebabkan terutamanya oleh dalam harga komoditi dan makanan global yang lebih tinggi.

Pada hari yang sama, Bank Negara Malaysia juga mengumumkan liberalisasi pentadbiran peraturan pertukaran asing terhadap pelaburan langsung luar negeri, pinjaman antara syarikat dan pembiayaan perdagangan dalam mata wang asing berkuat kuasa pada 1 Jun 2011. Syarikat pemastautin yang memenuhi keperluan kehematan kini boleh meminjam sebarang amaun pelaburan langsung luar negeri untuk menyokong pengembangan operasi mereka. Mereka juga dibenarkan untuk meminjam sebarang amaun dalam ringgit atau mata wang asing daripada syarikat pemastautin dan syarikat bukan pemastautin bukan bank berkaitan (non-resident non-bank related companies) untuk meningkatkan lagi kecekapan pengurusan sumber kewangan dalam sesebuah kumpulan korporat dan memberikan lebih fleksibiliti kepada sumber pembiayaan kompetitif (competitive financing). Di samping itu, had RM5 juta sebelum ini yang dikenakan terhadap pembiayaan perdagangan mata wang asing yang diperoleh pemastautin daripada bukan pemastautin dimansuhkan. Dalam hal ini, pemastautin boleh mendapat peminjaman mata wang asing, termasuk pembiayaan perdagangan mata wang asing, sehingga had agregat semasa sebanyak RM100 juta bagi syarikat berdasarkan kumpulan syarikat dan RM10 juta bagi individu. Liberalisasi ini adalah sebagai sebahagian daripada usaha berterusan Bank Negara Malaysia untuk meningkatkan kecekapan perniagaan dan daya saing ekonomi.

23 Mei 2011

Bank Negara Malaysia mengumumkan bahawa siri baharu wang kertas dan duit syiling Malaysia akan berada dalam edaran pada awal tahun 2012. Ini merupakan satu usaha yang diambil secara berkala dalam tempoh dua belas tahun. Tema reka bentuk mata wang siri baharu ini akan mengandungi ciri yang khusus bagi Malaysia dan juga mempunyai ciri keselamatan yang lebih canggih sejajar dengan kemajuan teknologi wang kertas mutakhir ini. Sebagai sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang siri baharu mata wang ini, Bank Negara Malaysia akan mengeluarkan duit syiling peringatan untuk siri ketiga dan mempamerkan reka bentuk wang kertas siri keempat yang baharu pada suku ketiga tahun 2011.

15 Jun 2011

Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan lesen bank Islam antarabangsa yang baharu kepada Elaf Bank B.S.C (c) (Elaf Bank) dari Bahrain untuk menjalankan pelbagai urusan perbankan Islam dalam mata wang asing, tidak termasuk urusan dalam ringgit Malaysia. Dengan beroperasinya Elaf Bank di Malaysia, hubungan ekonomi dan kewangan antara Malaysia dengan Bahrain akan bertambah kukuh selain terus menyokong pembangunan sistem kewangan Islam di Malaysia.

19 Jun 2011

Pada Dialog Antarabangsa Langkawi 2011 di Putrajaya, Gabenor Dr. Zeti menyampaikan ucapan yang bertajuk "Pembiayaan Inovatif Ke Arah Transformasi" .Beliau menyatakan bahawa sistem kewangan perlu menyediakan perkhidmatan kewangan asas yang akan memenuhi keperluan kewangan semua sektor ekonomi - daripada isi rumah, perusahaan kecil dan sederhana termasuk perusahaan mikro dan sektor korporat. Beliau juga berkongsi pengalaman Malaysia dalam membangunkan sektor kewangan yang akan menyediakan pembiayaan yang inovatif untuk transformasi ekonomi.

20 Jun 2011

Bank Negara Malaysia mengumumkan pengenalan instrumen monetari Islam baharu iaitu Nota Monetari Bank Negara -*Istithmar* (BNMN-*Istithmar*). Terbitan BNMN-*Istithmar* adalah berasaskan konsep Istithmar (pelaburan) yang merujuk kepada pelaburan portfolio yang menggabungkan struktur jualan dan pajak semula aset (ijarah), dengan urus niaga jualan tokokan komoditi (Murabahah). Tujuan utama BNMN-Istithmar diterbitkan adalah untuk meningkatkan kecekapan dan fleksibiliti pengurusan mudah tunai dalam pasaran wang Islam dengan memperluas konsep Syariah yang digunakan dalam instrumen monetari Bank Negara Malaysia. BNMN-Istithmar akan mempelbagaikan instrumen pelaburan dan jumlah pelabur selain menggalakkan peningkatan mudah tunai dalam pasaran wang Islam.